

"DALAM bidang kesihatan, kerajaan beta telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan yang bertanggungjawab merangka dan membentuk rancangan-rancangan peningkatkan kesihatan sambil mempromosikan amalan-amalan cara hidup yang sihat untuk rakyat dan penduduk." Titah sempena perayaan Hari Keputeraan Baginda Ke-54 Tahun pada 15 Julai 2000.



"DAN jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh yang gugur syahid pada jalan Allah itu mati, mereka tidak mati bahkan mereka adalah hidup secara istimewa di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki." - Surah Ali 'Imran ayat 169.

Berkenan mengurniakan dan menerima watikah

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada seorang Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan menerima watikah perlantikan tiga duta besar negara sahabat ke negara ini berlangsung di Istana Nurul Iman.

Mula-mula Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Awang Haji Muharram bin Haji Piah, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir.

Selepas itu baginda berkenan pula menerima watikah perlantikan Duta Besar Republik Filipina yang menetap ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez diikuti oleh Tuan Yang Terutama ITH Dettola, Duta Besar Kemboja yang menetap ke Negara Brunei

Oleh Sahari Akim

Darussalam.

Akhir sekali baginda berkenan menerima watikah perlantikan Duta Besar Sepanyol yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam (menetap di Kuala Lumpur) Tuan Yang Terutama Alvaro Iranzo Gutierrez.

Selesai sahaja majlis pengurniaan dan penerimaan watikah perlantikan, baginda kemudiannya berkenan menerima mengadap keempat-empat duta tersebut secara berasingan di ruang istana yang lain.

Tuan Yang Terutama Awang Haji Muharram, 55 tahun, melanjutkan pengajian ke Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Lancaster, United Kingdom, mengikuti Kursus Bahasa dan Kebudayaan Arab di Tunisia serta latihan khas di Republik Singapura dan Republik Arab Mesir.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Awang Haji Muharram bin Haji Piah, Duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru ke Republik Arab Mesir. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Kerajaan tubuhkan TelBru

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Syarikat Telekom Brunei Berhad (TelBru) dan didaftarkan pada 30 Mei 2002.

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam siaran akhbar hari ini menjelaskan penubuhan syarikat itu ialah bagi pengkorporatan Jabatan Telekom Brunei (JTB)

yang akan berkuat kuasa pada 1 April 2003.

Lembaga Pengarah Syarikat Telekom Brunei Berhad telah dilantik dengan keahlian seperti berikut:

Pengerusi, Dato Paduka Awang Haji Othman bin Haji Yaakub; Pengarah Urusan, Awang Song Kin Koi; Ahli-ahli, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohd. Daud, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Abdul Jalil dan Dato Paduka Awang Roderick Yong Yin Fatt.

TAHUKAH AWDA

LEBIH dari 85 peratus kes kanser adalah berpunca dari menyedut bahan kimia carcinogenic yang selalu terdapat pada asap rokok. Di samping itu kajian juga menunjukkan mereka yang merokok berisiko tinggi menghidap serangan jantung dan 10 kali ganda berkemungkinan besar menghidap kanser dari mereka yang tidak merokok.

Kes jenayah, dan sivil masih tinggi

Oleh Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Mei. - Kes-kes jenayah dan sivil yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi, Perantaraan dan Rayuan masih tidak berubah dari tahun 2000 hingga 2001 yang disifatkan masih tinggi.

Ini jelas dengan Mahkamah Rayuan mengadakan dua sesi tahun lalu di mana ia mengendalikan 19 rayuan jenayah dan 20 sivil berjumlah 39 berbanding 44 tahun sebelumnya.

"Manakala terdapat 17 kes jenayah didaftarkan untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi dan 14 di Mahkamah Perantaraan, sementara 130 kes rayuan jenayah dari Mahkamah

Majistret telah didaftarkan ke Mahkamah Tinggi, jika dibandingkan dengan 44 perbicaraan jenayah dan 67 rayuan jenayah tahun 2000 dan tahun lalu sebanyak 208 kes sivil didaftarkan di Mahkamah Tinggi dan 148 di Mahkamah Perantaraan," kata Ketua Hakim Negara, Mohammad Saied ketika berucap di Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2002 di Mahkamah Besar di sini.

Katanya, seramai empat orang pendaftar Mahkamah Tinggi telah me-

ngendalikan 636 perkara pada tahun lalu berbanding 777 setahun sebelumnya.

Ketua Hakim Negara juga mencadangkan supaya mengadakan pejabat pegawai penerima rasmi untuk mengendalikan perkara-perkara kebangkrutan (mufli).

Ia memandangkan tamabahnya, kes-kes kebangkrutan terus bertambah di mana pada tahun 2001 sebanyak 350 kes telah didaftarkan yang menunjukkan peningkatan pada 24 kes dari tahun sebelumnya.

Sementara 165 perintah penerimaan dan 31 perintah penghukuman telah dibuat berbanding 166 perintah penerimaan dan 28

perintah penghukuman pada tahun 2000.

"Ini akan membolehkan para pendaftar untuk menumpukan masa mereka dalam perkara-perkara interlokutori dan perkara lain serta memungkinkan kes-kes dibicarakan lebih awal," katanya.

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Kerja-kerja sukarela perlu dipupuk
- Muka 2

Melirik Masa Silam

Orang Dahulu dan Harta
- Muka 3

Kanser penyebab kematian kedua terbesar di negara ini

- Muka 6

Dua tokoh menerima anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita

- Muka 7

Perhimpunan Khas Wanita sempena Maulidur Rasul

- Muka 8 & 9

Negara memerlukan rakyatnya berjiwa berani : Tanamkan semangat perwira kepada anak-anak

- Muka 5 ANEKA

Kad panggilan prabayar 'Payless VOLP' diperkenalkan

- Muka 11 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804 / 02 382192
Faks : 02 381004 / 02 380507



5 JUN 2002 BERSAMAAN 1423

23 ربيع الأول

MEMPERKASA KEBERKESANAN PERTAHANAN NEGARA

ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) kini telah mencapai usia 41 tahun. ABDB kini semakin matang dan mantap dan mampu menghadapi cabaran alaf baru yang penuh dengan pelbagai cabaran. Pasukan pertahanan kita tetap digalati walaupun ianya mempunyai saiz kecil dari nisbah jumlahnya. Namun kini ianya mengharungi arus pemodenan yang semakin ketara yang dapat dilihat dengan tertubuhnya Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Penubuhan ABDB tetap menjadi penting dalam keadaan dunia sekarang. Tanggungjawabnya yang utama ialah untuk memberikan perlindungan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang berdaulat di bumi darussalam ini. Tanggungjawab angkatan bersenjata kian bertambah dan berat selaras dengan tuntutan sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat. Perannya tidak syak lagi amat penting dalam menjaga dan mempertahankan negara dari sebarang ancaman musuh dan anasir-anasir yang cuba mengganggu-gugat kestabilan dan keharmonian negara. Baik dari dalam mahupun dari luar negara. Dan alhamdulillah, pasukan pertahanan negara telah dapat memainkan peranan yang amat membanggakan kepada kita semua. Hasilnya dapat kita saksikan, negara terus aman damai dan sejahtera. Lantas itu, negara terus dapat membangun dengan jayanya.

Kecekapan anggota tentera juga sangat dika-gumi dan meningkat serta setanding dengan angkatan tentera dari luar negara. Kesemuanya dapat dicapai dengan adanya latihan-latihan yang sistematik dan terarah. Selain daripada itu anggota tentera juga mampu mengadakan latihan dengan pasukan angkatan bersenjata dari luar negara yang sudah 'established' seperti dengan Amerika Syarikat, Britain, Australia dan New Zealand serta juga dengan negara-negara ASEAN. Latihan besar-besaran pernah diadakan di negara ini seperti Latihan Setia kawan dan Penguin beberapa tahun yang lalu. Dan baru-baru ini, ABDB telah mengadakan latihan dengan tentera Amerika Syarikat yang diberi nama Latihan Kingfisher Carat dan dengan tentera Australia melalui Latihan Malle Bull. Latihan-latihan yang dijalankan itu telah memantapkan dan menguatkan lagi sistem pertahanan negara kita.

Kemantapan pasukan tentera kita benar-benar efektif dan berkemampuan dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Ini dapat dicapai dengan semangat keperwiraan dan keberanian, disiplin dan semangat dedikasi yang tinggi di kalangan anggota angkatan bersenjata itu sendiri. Memang, kewibawaan angkatan tentera kita terletak pada disiplin. Disiplin amat mustahak dan penting dalam menonjolkan imej dan kepercayaan orang ramai. Kecuaian dan kelonggaran dalam disiplin secara langsung boleh menjejaskan imej angkatan pertahanan kita yang kita sanjung selama ini.

Hal ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang antara lain baginda bertitah, "Untuk mewujudkan sistem pertahanan yang efektif dan kuat, adalah perlu bagi setiap bahagian ketumbukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk mewujudkan kualiti operasi yang tinggi dan cekap di dalam bidang masing-masing."

Kita juga berbangga dengan kaum wanita yang turut sama menabur bakti dan jasa dalam ABDB sesuai dengan rangkai kata 'Pemuda Harapan Bangsa, Pemuda Tiang Negara', ini membuktikan bahawa anak watan kita yang terdiri dari wanita sedia dan rela berkorban untuk mempertahankan negara bersama-sama berganding bahu dengan kaum lelaki. Kita percaya anggota tentera kita sama ada lelaki dan wanita akan tetap berpadu tenaga dan menggembleng keringat untuk sama-sama menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara yang berterusan terutama sekali dalam memantapkan sebarang apa juga ancaman dari petualang dan anasir yang cuba memecahbelahkan dan menggugat kestabilan dan kesejahteraan negara.

Tidak syak lagi, anggota tentera semakin gagah dan perkasa. Namun demikian keperkasaan itu perlu dipertajam dan dimantapkan lagi khususnya dalam mengimbangi dan mempelajari teknologi peralatan-peralatan ketenteraan yang lebih canggih dan terkini. Ini sesuai dengan tema sambutan ulang tahun ABDB ke-41 iaitu 'Memperkasa Keberkesanan Pertahanan Negara' yang mempunyai hubungan kait dengan wawasan ABDB - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Di Abad Ke-21 - Ke Arah Keberkesanan Pertahanan. Mengukuhkan pertahanan merupakan usaha berterusan untuk mempertingkatkan semua aspek sistem pertahanan sebagai langkah siap siaga mengharungi alaf baru.

HALUAN...



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam binti Haji Abdul Aziz sempena Perasmian Mesyuarat Agung Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) Ke-10 bertempat di Mes Pegawai Berakas Garison pada 19 Mei 2002.

Bismillahir Rahmanir
Rahim
Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULIL-LAH, saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan hidayat-Nya jua maka kita dapat menghadirkan diri di perhimpunan yang berke-bajikan pada petang ini, iaitu sempena Perasmian Mesyuarat Agung Ke-10 Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yakni BAKTI.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, kaum kerabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

Saya sangat sukacita pada mengetahui sejauh ini pelbagai kegiatan dan perancangan dalam bentuk kerja-kerja amal, urusan rumah tangga, sosial dan sukan, telah dilaksanakan oleh BAKTI bagi memenuhi matlamatnya untuk

menyatupadukan dan memberikan pemedulian kepada kebajikan isteri-isteri anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Dalam waktu yang sama, BAKTI juga telah berhasil melibatkan diri dengan kerja-kerja kebajikan untuk membantu golongan masyarakat yang memerlukan bantuan di dalam negeri dan juga masyarakat antarabangsa dengan mengadakan bazar bagi Tabung Bantuan Rakyat Awam Afghanistan yang dapat dijadikan contoh oleh persatuan dan pertubuhan wanita yang lain di negara ini.

Adalah saya harapkan, BAKTI akan terus melangkah ke hadapan memulaukan perluasan penglibatan mereka dengan kerja-kerja amal dan kebajikan di Negara Brunei Darussalam, terutama sekali penglibatan ahli-ahlinya dengan kerja-kerja sukarela yang diperlukan oleh pusat ihsan bagi orang-orang cacat dan berkerusi roda dan pusat kanak-kanak cacat. Mudah-mudahan dengan penglibatan ahli-ahli BAKTI dalam

Kerja-kerja sukarela perlu dipupuk

MASYARAKAT dewasa ini berhadapan dengan pelbagai gejala sosial di kalangan remaja seperti menyalahgunakan dadah, pemugut, jenayah juvena, anak-anak muda lari dari rumah dan pelbagai lagi. Menangani masalah sosial yang kita hadapi ini adalah merupakan sebagai tanggungjawab kita bersama.

kerja-kerja sukarela itu nanti akan menjadi dorongan dan ikutan oleh masyarakat umum dan pertubuhan-pertubuhan yang serupa di negara ini.

Penglibatan di dalam kerja-kerja sukarela adalah merupakan suatu penglibatan yang terpuji dan perlu dipupuk di kalangan anggota masyarakat terutama sekali di kalangan pertubuhan dan persatuan awam di Negara Brunei Darussalam. Adalah saya harapkan, kegiatan kerja sukarela akan dapat diberikan penekanan oleh setiap persatuan dan pertubuhan di negara ini di dalam pergerakan mereka.

Sepertimana yang kita sedia maklum, masyarakat dewasa ini berhadapan dengan pelbagai gejala

sosial di kalangan remaja seperti menyalahgunakan dadah, pemugut, jenayah juvena, anak-anak muda lari dari rumah dan pelbagai lagi. Menangani masalah sosial yang kita hadapi ini adalah merupakan sebagai tanggungjawab kita bersama.

Bagi tujuan ini, BAKTI dapat memainkan peranannya dengan menganjurkan pelbagai program kesedaran di kalangan isteri-isteri anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, akan perlunya mereka sentiasa memberikan pemedulian ke atas pergaulan dan kegiatan anak-anak remaja mereka. Begitu juga kegiatan-kegiatan yang melibatkan ahli keluarga yang berbentuk sosial dan keagamaan perlu banyak dirancangkan oleh BAKTI.

Sehubungan dengan ini, sukacita saya menekankan kepada ahli-ahli BAKTI supaya tanggungjawab kepada keluarga tidak akan diabaikan. Ini disebabkan oleh suami mereka yang sering bertugas di luar daripada rumah dan di luar daripada waktu-waktu bekerja biasa, maka sebagai

isteri-isteri anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, tugas mengurus hal-ehwal ahli keluarga

khususnya anak-anak, adalah menjadi tanggungjawab utama mereka.

Sebagai sebuah pertubuhan yang mempunyai matlamat untuk menyatupadukan dan memberikan pemedulian ke atas kebajikan isteri-isteri anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, kunci kepada pencapaian sepenuhnya matlamat ini ialah melalui terwujudnya hubungan persefahaman dan harmoni di kalangan ahli-ahli BAKTI tanpa mengenal pangkat dan peringkat.

Bagi tujuan ini, Ahli-ahli Jawatankuasa BAKTI memainkan peranan yang penting dalam membimbing dan memberikan arah tuju kepada ahli-ahli mereka untuk saling hormat-menghormati dan permuafakatan. Hendaklah ahli-ahli BAKTI berpegang kepada pepatah Melayu 'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat'.

Akhirnya, dengan melafazkan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim', maka saya dengan sukacita merasmikan Mesyuarat Agung BAKTI Kali Ke-10.

Sekian, Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PENGLIBATAN di dalam kerja-kerja sukarela adalah merupakan suatu penglibatan yang terpuji dan perlu dipupuk di kalangan anggota masyarakat terutama sekali di kalangan pertubuhan dan persatuan awam di Negara Brunei Darussalam. Adalah saya harapkan, kegiatan kerja sukarela akan dapat diberikan penekanan oleh setiap persatuan dan pertubuhan di negara ini di dalam pergerakan mereka.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

ORANG DAHULU DAN HARTA

SUASANA negara yang sudah dilindungi oleh pelbagai bentuk dan warna bangunan di sana sini dengan hasil reka bina yang sungguh mengagumkan, tidak boleh tidak telah banyak mempengaruhi perubahan hidup masyarakat hari ini. Bangunan-bangunan yang indah-indah itu tidak sahaja telah mengubah corak keadaan, tetapi ianya seakan-akan pula mengundang supaya sikap masyarakat seharusnya juga berubah dalam erti kata menyesuaikan diri mereka dengan pembangunan yang sentiasa berhadapan dengan kehidupan harian mereka itu. Kebanyakan perubahan itu berlaku di sekitar kawasan Kampong Kiulap, sekitar Madewa dan Bunut dan seterusnya di Kilanas, Sengkurong, Jerudong begitu juga di kawasan Berakas, sepanjang Jalan Muara, Serusop dan banyak lagi yang mengalami perkembangan serupa. Ini termasuk juga di daerah-daerah lain iaitu di Tutong, Belait dan Temburong. Pekan Muara juga yang merupakan sebahagian dari Daerah Brunei-Muara turut merasakan betapa pesatnya pembangunan itu turut melanda. Keadaan ini, sama ada disadari atau tidak, secara beransur-ansur telah dan akan terus menimbulkan bentuk baru atau setidaknya akan mewujudkan cara baru mengenai corak hidup kita itu. Perkembangan ini tidak akan berhenti, malah akan berjalan terus diakibatkan oleh proses penyesuaian diri masing-masing agar tidak janggal dalam mengikuti dan berinteraksi sama agar perkembangan itu benar-benar seiring dengan keperluannya.

Kawasan-kawasan yang disebutkan itu yang dahulunya dipenuhi dengan serba kehijauan pokok-pokok kayu dan pelbagai tumbuhan pertanian serta

tanaman-tanaman yang lain, dalam keadaan sekarang ini, tentunya tidak mampu menyumbangkan pulangan yang besar, jauh sekali dapat membantu pemilik-pemilikinya untuk mendapatkan perolehan yang lebih menjamin masa depan yang dianggap semakin berat untuk ditempuh. Akibatnya, kawasan-kawasan tanah yang menghijau tetapi dianggap tenat dan perlu diberi nafas baru, akan terpaksa mengalami perubahan besar apabila ianya terpaksa dimusnahkan dalam tujuan untuk meninggikan nilai kegunaannya yang juga dianggap sebagai perlu di zaman yang sudah berubah yang juga menuntut agar ekonomi amat perlu diperkukuhkan melalui sumber-sumber baru, terutama mengubah wajahnya yang lama kepada wajahnya yang baru, ditambah lagi dengan keyakinan mengenai penghasilan yang menyenangkan nanti. Demikianlah untungnya bagi mereka yang mempunyai tanah yang banyak di sana sini dengan keluasan yang menyelesaikan untuk satu-satu projek yang dikehendaki. Walaupun pembangunan terhadap tanah-tanah itu telah menghapuskan sebahagian dari kehijauan yang asalnya menyumbang selaku penapis atau filter alam sekitar untuk keperluan kesihatan yang selalu dikehendaki, namun hal ini seperti tidak perlu disebabkan mungkin dari andai-an yang negara kita ini masih mempunyai kawasan-kawasan hutan tebal dan dianggap mampu mengawal keadaan yang dibimbangkan itu.


Memang benar bahawa penerokaan kawasan-

kawasan untuk perumahan atau perusahaan hanya dalam peratus yang rendah berbanding dengan yang masih ada. Tetapi keadaan ini tidak bererti hanya setakat itu sahaja, kerana akan tidak dapat dielakkan bakal berlakunya pembangunan yang lain lagi. Apa pun yang akan dilakukan, orang-orang dahulu yang mempunyai tanah, baik banyak, apa lagi sedikit, amat takut kehilangan tanah-tanah mereka walau seinci pun. Perkara begini biasa kita dengar. Kenapa begitu? Antara alasan yang diberikan ialah 'menjual tanah, bererti menjual negeri', dan ada juga yang beralasan bahawa tanah-tanah yang ditinggalkan sebagai 'waris', apabila dijual ditakuti akan berakhir dalam kepapaan dan banyak lagi alasan-alasan lain. Gayanya, dari pendapat orang dahulu itu bukanlah tidak bersetuju berlakunya penjualan kiranya langkah itu benar-benar diperlukan dengan tujuan untuk sara hidup yang lebih terjamin di kalangan waris-waris mereka selanjutnya. Tetapi apa yang tidak diingini oleh mereka itu ialah kiranya berlaku penjualan yang bakal menimbulkan sebab-sebab hilangnya langsung tanah-tanah itu yang akhirnya nanti, waris-waris mereka itu akan tertumpang-tumpang di tanah orang lain yang dianggap sama ertinya dengan maksud 'papa' yang diucapkan oleh mereka itu.

Satu hal lagi ialah mengenai pemegang-pemegang waris. Bila disebutkan perkara ini, orang-orang dahulu yang berharta dan bertanah, akan berpesan berkali-kali supaya pembahagiannya

mestilah adil dan semua yang berhak mestilah 'ampir' menurut hak masing-masing. Kepala 'waris' tidak dibenarkan 'berpunya-punya', tetapi mestilah mendapatkan persetujuan bersama. Mereka mahu, semua waris-waris mereka itu menjauhkan perkara-perkara yang menyebabkan timbulnya pertelagahan dan perpecahan. Jika berlaku hal yang demikian itu, bererti akan retak hubungan bersaudara dan juga menyebabkan nama keluarga akan menjadi buruk dan menjadi buah mulut orang lain. Maka itu, ada juga yang sampai menghukum bahawa jika kepala 'waris' berniat serong kepada saudara-saudara di bawah jagaannya dan mengabaikan hak-hak mereka, maka kepala 'waris' itu 'akan menerima bala' yang ditempuhinya. Demikian orang dahulu dan bagaimana mereka sangat-sangat mengambil berat terhadap untung nasib masa depan keturunan mereka supaya terus-menerus mengecap kesenangan dan jauh dari sebarang kesusahan.

Maka untuk mencari kesenangan ini, orang sekarang lebih bijak lagi. Tanah masih tetap ada, rumah-rumah atau bangunan kedai lebih dari merupakan jaminan hidup untuk selama-lamanya, malah hingga boleh sampai kepada cucu cicit bakal dapat menikmatinya. Maka itu, niat dan semangat orang-orang di masa silam itu masih tetap berguna juga. Dan kepala 'waris' yang takut tidak berlaku adil, akan sentiasa membuat langkah yang bijaksana dengan mendapatkan bantuan dengan merujukannya kepada pihak yang lebih arif lagi selamat di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Langkah begini juga akan lebih disenangi oleh adik-beradik dan juga orang-orang yang berkaitan - semoga dirahmati Allah.



MAJLIS Penutup Dikir sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berlangsung di Istana Nurul Iman pada 25 Mei (kiri) dan di Istana Nurul Izzah, Jerudong pada 27 Mei lepas.

Majlis Penutup Dikir Maulud di Istana Nurul Iman dan Nurul Izzah

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mei. - Majlis Penutup Dikir berlangsung di Istana Nurul Iman yang menandakan berakhirnya Dikir Maulud yang telah diadakan selama 12 malam berturut-turut bersempena Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dengan dimulakan bacaan Surah Al-Faatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon, manakala bacaan dikir dipersembahkan oleh para pegawai masjid.

Dikir Maulud diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara selama 12 malam sejak 13 Mei lalu bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Doa dikir dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon, sementara doa selamat pula dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Antara yang berangkat dan hadir di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri

Oleh Ak. Jefferi PD dan
Haji Ahmad HS

kabinet, ahli-ahli majlis mesyuarat, timbalan-timbalan menteri, pengiran-pengiran peranakan, setiausaha-setiausaha tetap dan pehin-pehin manteri.

Sementara itu pada 27 Mei Majlis Dikir sempena Maulud Rasul juga berlangsung 12 malam berturut-turut di Istana Nurul Izzah, Jerudong dan berakhir dengan Majlis Penutup Dikir.

Majlis penutup dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Bacaan dikir disampaikan oleh pegawai-pegawai masjid dan bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon yang juga membaca doa dikir. Sementara itu doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat dan hadir sama Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, pengiran-pengiran peranakan, menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, setiausaha-setiausaha tetap dan pegawai kanan kerajaan.

Pertukaran dan lantikan, memangku lima pegawai

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Mei. - Sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pertukaran dan lantikan, memangku pegawai-pegawai berikut:-

Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat, Pengarah Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan ditukar sebagai Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan di Kementerian Pendidikan mulai 18 Safar 1423/1 Mei 2002;

Dr. Hisham bin Haji Mohd. Sum, Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan di Kementerian Pendidikan ditukar sebagai Pengarah Ke-

naziran Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan mulai 18 Safar 1423/1 Mei 2002,

Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohammad, Pengarah Perkembangan Kurikulum di Kementerian Pendidikan dilantik sebagai Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan mulai 18 Safar 1423/1 Mei 2002;

Pengiran Hajah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan ditukar sebagai Pengarah Perkembangan Kurikulum di Kementerian Pendidikan mulai 18 Safar 1423/1 Mei 2002; dan Awang Haji Jamaluddin bin Haji Saman, Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perkhidmatan Awam ditukar ke Kementerian Pertahanan dan seterusnya dilantik sebagai Pengarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia mulai 19 Rabiulawal 1423/1 Jun 2002.

Presiden BDNOC hadir Perhimpunan Agung ANOC

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BNOC) telah berkenan berangkat menghadiri Perhimpunan Agung Jawatankuasa Persatuan-persatuan Olimpik Kebangsaan Ke-XIII (ANOC 2002) di Kuala Lumpur dari 21 hingga 22 Mei lepas.

Perhimpunan yang disertai oleh 198 anggota ahli Olimpik Kebangsaan itu dirasmikan oleh Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Malaysia, Yang Amat Mulia Tunku Tan Sri Imran bin Tunku Jaafar dan juga dihadiri oleh Presiden ANOC, Tuan

Oleh Haji Ahat HI

Mario Vazquez Rana.

Semasa perhimpunan itu para ahli antaranya telah membincangkan perkara yang berkaitan dengan Sukan Olimpik, pakaian sukan, perancangan utama sukan dan rancangan OIC Olimpik Solidarity.

Terdahulu sebelum berangkat menghadiri Perhimpunan Agung ANOC, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Perhimpunan Majlis Olimpik Asia (OCA) yang dianggotai oleh 42 ahli. Di sebelah malam pula Majlis Olimpik Kebangsaan Malaysia meraikan ahli-ahli dengan majlis makan malam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam dan rombongan ketika berangkat menghadiri Perhimpunan 'Association of National Olympic Committees' Ke-13 di Kuala Lumpur (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat menghadiri Perhimpunan Majlis Olimpik Asia (OCA) di Kuala Lumpur pada 21 Mei 2002.



Penubuhan Persatuan Peguam dialu-alukan

Oleh Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Mei. - Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa berkata, adalah dialu-alukan supaya penubuhan Persatuan Peguam di negara ini dapat diadakan.

Ini kerana ia boleh menyediakan satu saluran yang mana aduan-aduan berhubung kait dengan ahli-ahli dapat diketengahkan dan ia juga membolehkan bidang profesi itu membuat sebarang saranan

yang boleh menjejaskan profesi mereka.

Yang Berhormat berucap demikian mewakili peguam-peguam di negara ini di Pembukaan Tahun Undang-Undang 2002 di Bangunan Mahkamah Besar di sini.

Beliau menambah, satu hal yang menjadi keimbangan baru-baru ini ialah dengan kedatangan Queen's Counsel dan Senior Counsel dari seberang laut bagi mewakili seseorang di hadapan mahkamah di negara ini.

Walhal, tambah Yang Berhormat, hasrat melin-

dungi profesi tempatan disuarakan dan di negara ini juga terdapat mereka yang berkemahiran dalam bidang guaman, berikutan itu adalah wajar membolehkan guaman dari luar negara perlulah diberi perhatian dalam beberapa kes yang perlu.

Selain itu, Yang Berhormat juga memberi sokongan dengan cadangan Akta Legislatif dalam hal penubuhan di mana Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah pusat kewangan luar pantai.

Katanya, pelabur asing akan merasa puas hati akan sistem perundangan dan mahkamah yang sama piawaiannya seperti negara-negara

lain dalam semua aspek.

Oleh itu jelasnya, pelabur asing akan terjamin yang mereka itu akan mempunyai satu jaminan

yang perkara perundangan terbaik boleh diperolehi secara tempatan dan bila-bila saja dengan perbelanjaan sendiri.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa mengalu-alukan penubuhan Persatuan Peguam. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Berangkat ke Madrid

BERAKAS, 3 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berangkat ke Madrid, Sepanyol bagi menghadiri Mesyuarat Ke-4 Menteri-menteri Luar Asia Eropah (ASEM).

Mesyuarat tersebut dijangka akan diadakan selama dua hari bermula 6 hingga 7 Jun ini.

Antara agenda yang

akan dibincangkan di mesyuarat tersebut ialah membincangkan mengenai dengan peningkatan kerjasama di antara Asia dan Eropah.

Berangkat sama mengiringi Yang Teramat Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Oleh Abu Bakar HAR



KETUA Hakim Negara, Mohammad Saled ketika berucap di Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2002 di Mahkamah Besar. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Sokong usaha kerajaan memerangi keganasan

Oleh Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Mei. - Peguam Negara, Dato Paduka Haji Kifrawi berkata, jabatannya beritizam untuk menyokong dengan sepenuhnya usaha kerajaan dalam memerangi jenayah-jenayah transnasional terutamanya pengedaran.

Menurutnya, negara ini, terdapat undang-undang yang mencukupi dan berkesan untuk mengelakkan Brunei menjadi tempat perlindungan selamat bagi orang-orang yang melakukan jenayah-jenayah tersebut dan aset-aset mereka.

"Brunei juga telah menggubal Perintah Pelaburan Wang Haram, Perintah Kelakuan Jenayah, Akta Pengedaran Dadah (mendapatkan kembali hasil) yang bersama dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Akta Ketenteraman Dalam Negeri yang ada adalah juga bersangkut-paut dengan usaha memerangi jenayah transnasional," katanya ketika berucap di Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2002 di bangunan Mahkamah Besar di sini.

Dato Paduka Haji Kifrawi berkata Jabatan Peguam Negara juga telah berunding dengan agensi-agensi yang berkaitan dalam memudahkan bantuan bersama di sisi undang-undang dalam perkara jenayah dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang negara lain.

"Jabatan Peguam Negara juga membuat penelitian surat cara antarabangsa yang berkaitan berhubung dengan jenayah transnasional dan pengesanan seperti United Nations Convention Against Transnational Organised Crimes dan International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism dengan tujuan untuk menyokong jika bersesuaian supaya ia ditandatangani dan diratifikasikan," tambahnya.

Selain itu jelasnya, adalah mungkin bersesuaian untuk meneroka satu bentuk penyelesaian lain pertikaian bagi melengkapi proses litigasi biasa.

Dalam hal ini katanya, ada baiknya untuk mengambil maklum bahawa Akta Timbangtara masa kini memang membenarkan penubuhan mekanisme penyelesaian lain pertikaian.

Oleh itu tambahnya, adalah lebih baik untuk menimbangkan penubuhan Mahkamah Tuntutan Kecil khusus untuk menyelesaikan pertikaian di peringkat individu yang membolehkan orang ramai untuk menyelesaikan pertikaian kontrak kecil tanpa banyak kerenah dan perbelanjaan.



PEGUAM Negara, Dato Paduka Haji Kifrawi berazam menyokong usaha kerajaan memerangi jenayah transnasional dan pengesanan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan mengurniakan sabda bagi merasmikan Persidangan Asia Pasifik Barat 2002 (GASEX) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 27 Mei lepas (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia bersama para tetamu lain di majlis perasmian tersebut.

DULI Yang Teramat Mulia berangkat meninggalkan majlis sambil diiringi oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yaakub dan Pengarah Urusan BLNG, Dato Paduka Awang Haji Hamdilah (bawah).



DPMM berkenan berangkat rasmikan GASEX 2002



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia di Pusat Persidangan Antarabangsa telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Pengarah Urusan BLNG (atas). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia meletakkan bola bagi simbol perasmian GASEX 2002.

Gambar-gambar oleh
Harun HR dan
Haji Masmaleh HMA



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima cenderamata dari Pengarah Urusan BLNG, Dato Paduka Awang Haji Hamdilah (atas). Sementara gambar kiri, para perwakilan dari dalam dan luar negeri yang menghadiri GASEX 2002.

DYTM menerima mengadap dua Duta Besar

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar

Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, telah berkenan menerima mengadap Puan Yang Terutama Virginia H.

Benavidez, Duta Besar Republik Filipina yang baru ke Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Alvaro Iranzo Gulerrez,

Duta Besar Sepanyol yang baru yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam. Perjumpaan tersebut berlangsung di Balai

Penghadapan, Bukit Kayangan.

Di perjumpaan itu, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan

kedua-dua Duta Besar tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez, Duta Besar Republik Filipina (kiri) dan Tuan Yang Terutama Alvaro Iranzo Gulerrez, Duta Besar Sepanyol (kanan).

Kanser penyebab kematian kedua terbesar di negara ini

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 23 Mei. - Penyakit kanser salah satu penyebab utama kematian di negara ini selain dari penyakit-penyakit kronik seperti kencing manis, tekanan darah tinggi, penyakit jantung dan kejadian kemalangan jalan raya.

Pada tahun lalu seramai 172 orang meninggal dunia akibat kanser menjadi penyebab kematian kedua terbesar di negara ini, manakala tahun sebelumnya sebanyak 185 kes telah dilaporkan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar berkata, peningkatan trend penyakit-penyakit kronik yang bukan berjangkit sudah menjadi isu kesihatan yang patut diberikan perhatian.

Yang Berhormat berkata demikian sebelum merasmikan Pelancaran Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kesihatan di sini.

Daftar Kanser katanya, dihasratkan akan dapat mempertingkatkan lagi pengurusan penyakit kanser selaras dengan salah satu matlamat strategik Rancangan Penjagaan Kesihatan Negara 2000-2010 yang memfokuskan terhadap pengurusan penyakit-penyakit kronik utama.

"Ini dapat dicapai melalui pengurusan pencegahan, perawatan dan pemulihan yang berkualiti tinggi, setaraf dengan piawai antarabangsa," katanya.

Jelas Yang Berhormat, dengan terdapatnya data mengenai kes-kes kanser yang lebih terurus dan boleh dipercayai, pelaksanaan dan penggunaan Daftar Kanser itu akan membolehkan integrasi maklumat dari pelbagai disiplin dan sekali gus menggalakkan usaha untuk mencegah dan mengawal kejadian penyakit kanser.

"Daftar Kanser itu juga akan menghasilkan trend epidemiologi yang berpiawai setanding dengan trend antarabangsa, yang akan memberi laluan dan galakan bagi penyelidik-penyelidik mengenai kanser baik yang berupa epidemiologi mahupun klinikal," tambah beliau.

Oleh yang demikian Yang Berhormat menyeru supaya semua pengamal-pengamal perubatan dan kesihatan sama ada di sektor kerajaan atau swasta akan dapat melaporkan kes kanser yang telah didiagnosis melalui borang notifikasi tersebut dan menghantarkannya terus ke Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam, Jalan Ong Sum Ping.

Daftar Kanser boleh menentukan kadar kes-kes baru penyakit kanser yang dilaporkan, dengan misinya untuk melaksanakan dasar dan perancangan Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam ke arah usaha untuk mencegah dan mengawal penyakit kanser di negara ini.

Data yang dikumpul daripada Daftar Kanser itu akan dapat memberikan maklumat yang lebih berguna bagi merancang strategi dan membuat tindakan mengenai penyakit kanser.

Sumber data yang dimasukkan ke dalam Daftar Kanser mengandungi laporan kanser oleh doktor-doktor melalui borang-borang notifikasi, keluar hospital di mana kanser dinyatakan dan siji kematian yang menyatakan berpunca dari kanser.

Mulai Januari tahun ini kes-kes kanser dari seluruh negara telah mula dilaporkan oleh doktor-doktor di semua hospital dan pusat-pusat kesihatan serta klinik-klinik kerajaan mahupun swasta.

Sebuah buku telah dihasilkan yang dinamakan Buku Manual Prosedur Daftar Kanser Negara Brunei digunakan oleh semua doktor di



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar ketika berucap melancarkan Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam. Majlis berlangsung di Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Masri Osman.

Kes penyalahgunaan dadah meningkat

Oleh Abdullah Asgar

GADONG, 27 Mei. - Kes-kes penyalahgunaan dadah di negara ini terus meningkat walaupun masih terkawal di sebelah usaha Biro Kawalan Narkotik (BKN) membanteras mereka yang bersalah.

Menurut pihak BKN tahun lalu sebanyak 574 kes dan tangkapan dibuat berbanding tahun sebelumnya yang mencapai 672 kes dan pada tahun 1993 ia mencapai 775 kes yang mana sebilangannya menggunakan kanak-kanak bagi menyeludup dadah khasnya Syabu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Penolong Pengarah Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah BKN, Awang Jasmin bin Haji Jamu ketika memberi taklimat kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Brunei dan Muara yang membuat lawatan ke Ibu Pejabat BKN di sini.

Katanya pengedar dan penjual Syabu sering menggunakan pelbagai cara untuk menyeludup masuk dadah tersebut ke negara ini tanpa memikirkan risiko yang akan ditanggung.

Jelasnya, BKN pernah menangkap seorang lelaki tempatan bersama isteri, menggunakan anak mereka ba-



PENOLONG Pengarah Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah Biro Kawalan Narkotik (BKN), Awang Jasmin ketika memberikan taklimat kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Brunei dan Muara semasa membuat lawatan ke Ibu Pejabat BKN. - Gambar oleh Abdullah HAD.

gi menyeludup masuk ke negara ini, di samping percubaan lain termasuk menyeludup menggunakan pampers anak damit.

Pihak BKN katanya, akan terus membuat serbuan bagi menangkap mereka yang mengedar dan pengguna dadah haram di negara ini dengan bantuan maklumat dari orang ramai.

Oleh yang demikian beliau menyeru para penghulu mukim dan ketua kampung di negara ini supaya memata-matai anak buah mereka dari terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan segera membuat laporan ke pihaknya jika mendapati ada kegiatan yang mencurigakan di mukim atau kampung mereka khususnya penyeludupan dadah.

Dua tokoh menerima anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita

BERAKAS, 28 Mei. - Dengan limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, buat pertama kalinya tahun ini Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulidur Rasul telah mengadakan anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita.

Penganugerahan tersebut diberikan kepada wanita yang banyak menyumbangkan jasa dalam bidang keagamaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan menyempurnakan penganugerahan Bakti Hijrah Khas Wanita pertama kepada Datin Seri Setia Hajah Kamaliah binti Haji Muhammad Fadzullah Suhaimi, bali bekas Mufti Kerajaan, Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan menyempurnakan penganugerahan Bakti Hijrah Khas Wanita kedua kepada Datin Paduka Dayang Hajah Zahrah binti Haji Idris, isteri Menteri Pendidikan.

Datin Seri Setia Hajah Kamaliah berusia 76 tahun dan kini masih berkhidmat sebagai Pensyarah di Sekolah Menengah Arab. Beliau berkelulusan Sijil Perguruan dalam Bahasa Arab, Quran dan Pendidikan Jasmani dari Madrasah Al-Mu'allimat, Syubra, Mesir. Di samping boleh menguasai bahasa Arab beliau juga boleh menguasai bahasa Inggeris.

Sebagai seorang pendidik, Datin Seri Setia sangat mengambil perhatian kepada pelajar-pelajar sehingga beliau dianggap

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

sebagai induk yang pemedulian. Dengan pengalaman yang ada padanya dan tokoh pendidik yang berhemah tinggi, beliau menjadi tempat rujukan kepada guru-guru lain terutama guru-guru perempuan.

Selain itu beliau juga tidak pernah jemu memberikan nasihat kepada pelajar-pelajar termasuk mereka yang akan menyambung pelajaran ke luar negeri.

Sebagai individu yang sentiasa ingin melihat anak-anak didiknya maju dan menjalani kehidupan dan suasana pembelajaran yang selesa, beliau secara peribadi telah membantu kanak-kanak yang kurang berkemampuan dengan memberikan bantuan pakaian dan peralatan persekolahan dan mengusahakan pengutipan derma kewangan yang hampir dilakukannya setiap bulan tanpa jemu-jemu.

Dalam menyebarkan syiar Islam di negara ini beliau pernah diundang menyempurnakan ceramah di media elektronik, sekolah-sekolah dan jabatan kerajaan serta pernah menjadi hakim dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa.

Sementara itu, Datin Paduka Dayang Hajah Zahrah berusia 65 tahun pernah bertugas sebagai Ketua Pegawai Kebajikan di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan pernah dilantik menjadi ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Datin Paduka berkelulusan Diploma dalam jurusan Perkembangan dan Pentadbiran Sosial dari Universiti College of Swansea. Beliau merupakan salah seorang anak Brunei yang awal mendapat kelulusan

tinggi dan banyak menabur jasa bakti dalam bidang sosial dan keagamaan serta pernah menyertai muktamar-muktamar yang diadakan di dalam dan di luar negeri.

Dalam usaha menyebarkan syiar Islam, beliau sering mengadakan pelbagai kegiatan keagamaan seperti kuliah subuh, kelas mengaji Al-Quran dewasa, majlis bertahlil, majlis dikir, sembahyang tarawih berjemaah sepanjang bulan Ramadan, majlis bertadarus dan kelas menghafaz Al-Quran di rumah beliau.

Selain itu beliau juga prihatin kepada mereka yang bernaib malang serta pernah memberi khidmat kaunseling kepada penghuni Rumah Al-Hidayah secara suka rela, di samping menyediakan kemudahan dan tempat tinggal bagi penuntut-penuntut tahfiz sebelum penubuhan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Dalam pada itu Datin Paduka juga aktif dalam berpersatuan hingga sekarang seperti Persatuan PERTIWI dan Pandu Puteri serta pernah membuka kelas mengaji Al-Quran bagi ahli-ahli Persatuan PERTIWI.

Atas sumbangan dan jasa bakti mereka berdua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat kehormatan kepada mereka.

Di penganugerahan Bakti Hijrah Khas Wanita, mereka masing-masing telah menerima wang tunai \$10,000.00 di samping sijil penghormatan, hadiah iringan mahkota kristal, tiket umrah pergi dan balik dan kemudahan perubahan percuma kelas pertama atau sebanding dengannya di hospital kerajaan di negara ini.



DATIN Seri Setia Hajah Kamaliah binti Haji Muhammad Fadzullah Suhaimi (kiri) dan Datin Paduka Dayang Hajah Zahrah binti Haji Idris menerima anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita di Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulidur Rasul yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



KETUA Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan menyaksikan pameran sejour melancarkan Program Sekolah Mempromosikan Kesihatan yang diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Jerudong. - Gambar oleh Masri Osman.

Kesihatan kanak-kanak pengaruhi pembelajaran dan pendidikan

JERUDONG, 16 Mei. - Terdapat begitu banyak bukti yang menunjukkan bahawa kesihatan kanak-kanak dan orang muda menjadi faktor utama mempengaruhi kapasiti pembelajaran serta pendidikan mereka.

Dari itu telah menjadi tanggungjawab bersama terutama sekali pihak kerajaan memastikan keadaan sekolah bagi kanak-kanak dan orang-orang dewasa disediakan sebaik yang mungkin, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan

Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan di Majlis Pelancaran Program Sekolah Mempromosikan Kesihatan yang diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Husain di sini.

Datin Paduka berkata, perkara tersebut dapat dicapai melalui penubuhan sekolah di dalam mempromosikan kesihatan cara mengatur dan menyusun serta menghubungkan semua komponen penting bagi membentuk kesihatan kanak-kanak dan orang muda.

Sekolah mempromosikan kesihatan suatu tempat bagi semua ahli masyarakat sekolah bekerjasama memberikan pelajar-pelajarnya pengalaman dan struktur berintegrasi, mempromosi dan melindungi kesihatan mereka, di samping mewujudkan persekitaran sekolah yang sihat dan selamat serta pemberian dan penyediaan perkhidmatan kesihatan yang bersesuaian.

Beliau juga berkata, sekolah mempromosikan kesihatan boleh disifatkan sebagai sebuah sekolah yang sentiasa mengukuhkan kapasitinya sebagai tempat yang sihat bagi kehidupan, pembelajaran dan pekerjaan.

Beliau menambah ter-

Oleh
Ak. Jefferi PD

dapat beberapa elemen utama dalam konsep sekolah mempromosikan kesihatan antaranya dasar kesihatan sekolah, persekitaran fizikal dan sosial sekolah, hubungan dengan masyarakat, kemahiran kesihatan peribadi dan perkhidmatan kesihatan.

Beliau menambah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan pihak sekolah telah memberikan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif kepada semua sekolah-sekolah di seluruh negara sejak awal tahun 50-an dan 60-an lagi.

Ianya disalurkan melalui program-program kesihatan sekolah, pergigian sekolah, psikologi sekolah, promosi dan pendidikan kesihatan, pemakanan masyarakat serta kesihatan alam sekitar serta merangkumi pemeriksaan kesihatan, imunisasi, pendidikan kesihatan dan kaunseling psikologi.

Di majlis tersebut juga tetamu kehormat berkesempatan menyaksikan pameran dan persembahan senamrobik oleh guru dan penuntut menengah satu dan dua serta merasmikan papan tanda pelancaran

program mempromosikan kesihatan sekolah berkenaan.

Pengetua sekolah berkenaan dalam ucapan alu-aluannya menerangkan majlis tersebut diadakan bagi membentuk pelajar yang sihat dan cergas melalui program dan struktur promosi kesihatan yang berpadu, menerapkan konsep dan prinsip promosi kesihatan dalam semua aspek persekolahan dalam membina suasana dan budaya sekolah yang sihat dan selamat.

Katanya antara aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak sekolah sejak tahun lalu, mengadakan Projek Kebersihan dan Menanam Pokok bagi membersihkan kawasan sekolah, kawasan perniagaan dan bangunan kerajaan, swasta di Mukim Sengkurong serta menanam beberapa pohon pokok buah-buahan bagi mencantikan dan menceriakan persekitaran sekolah selain menganjurkan pertandingan kelas terbersih dan tercantik bagi semua bilik darjah.

Selain itu katanya pihak sekolah juga sentiasa memantau penjualan makanan di kantin sekolah supaya semua makanan yang dijual ditanggung kebersihan dan dua serta merasmikan papan tanda pelancaran

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan (Bhg. 1)

Bil.	JENIS PERKHIDMATAN DAN PROSES TINDAKAN	TPOR
1.	Penilaian penuh sekolah (PPS)	
a)	Memaklumkan sekolah secara bertulis mengenai tarikh penilaian penuh sekolah	1 bulan sebelum penilaian
b)	Mendapatkan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen sekolah yang diperlukan bagi penilaian penuh sekolah daripada sekolah	2 minggu sebelum penilaian
c)	Mengadakan perjumpaan suai kenal/taklimat	Dalam tempoh 1 minggu sebelum penilaian
d)	Pengendalian penilai penuh sekolah	5-14 hari
e)	Laporan lisan kepada Guru Besar/Pengetua	Dalam tempoh 2 minggu selepas penilaian
f)	Menghadapkan draf laporan kepada sekolah	9 minggu
g)	Mendapatkan secara bertulis ke atas draf laporan penilaian penuh sekolah daripada sekolah berkenaan	2 minggu setelah menerima draf laporan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan mengurniakan anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita kepada Datin Seri Setia Hajah Kamaliah binti Haji Muhammad Fadzullah Suhaimi (kiri) dan kepada Datin Paduka Hajah Zahrah binti Haji Idris (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan menerima junjung ziarah para wanita yang menghadiri perhimpunan tersebut sejourus sebelum berangkat balik (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menyaksikan pemeriksaan kesihatan khusus untuk wanita (kanan). Sementara gambar bawah, ratusan para wanita dari pelbagai peringkat masyarakat ketika hadir di perhimpunan tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menyaksikan cara-cara menganyam kraf tangan daripada buluh yang diusahakan oleh pengusaha wanita tempatan (kanan).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Majeedah Nurul Bolqiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Lubabul Bolqiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Fadzilah Lubabul Bolqiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyaksikan pelbagai pameran yang diusahakan oleh kaum wanita sempena perhimpunan itu (bawah dan bawah kanan).



Perhimpunan Wanita sempena Maulidur

BERAKAS, 28 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulidur Rasul yang berlangsung di Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Pengerusi Bersama Jawatankuasa Perhimpunan, Dayang Hajah Norliha binti Haji Abu Bakar dan ahli-ahli jawatankuasa perhimpunan tersebut.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri

Liputan Dayangku H
Saidah PHOA
Gambar-gambar oleh Abd
dan Hamadi HM

Fadzilah Lubabul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abdul Rahman dan diikuti sembah alu-aluan oleh Pengerusi Bersama Jawatankuasa Perhimpunan yang menyatakan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia telah meningkatkan lagi semangat para wanita di negara ini untuk berusaha dengan lebih giat bagi menegakkan syiar Islam.

Selain itu, katanya, keberangkatan baginda dan DYTMM juga meman-

eratkan kalangan negara bangsa perka dalam cabaran

Majlis ngan sya pada Per Pusat D Dayang Sirin y berkata adalah kepada bangsu

Ka memn penglibat wanita bang k dan kem sosial di umpama ta di menceb dang r yang let ka bid lasak da

Deni wanita juan t dapat d sebilang menjaw hampir jawan dimon lelaki.

Wala au mem wanita kan mer maruah sebagai

an Khas mpena Rasul

Katanya, agama Islam menitikberatkan soal keadilan dalam semua aspek kehidupan manusia tidak kira lelaki dan wanita, semua menerima ganjaran yang sama rata, sama ada perbuatan baik dan sebaliknya.

Acara kemuncak majlis, penganugerahan Bakti Hijrah Khas Wanita oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia. Anugerah tersebut adalah yang julung kali diadakan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan menganugerahkan Bakti Hijrah Khas Wanita pertama kepada Datin Seri Setia Hajah Kamaliah binti Haji Muhammad Fadzullah Subaimi, balu bekas Mufti Kerajaan, Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail.

Datin Seri Setia menerima wang tunai \$10,000.00, sijil penghormatan, hadiah iringan mahkota kristal sumbangan Semaun Holdings Sendirian Berhad, tiket penerbangan pergi dan balik bagi menunaikan umrah sumbangan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad dan kemudahan perubatan percuma termasuk segala perbelanjaan wad kelas pertama atau sebanding dengannya di hospital kerajaan di negara ini.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia berkenan menganugerahkan Bakti Hijrah Khas Wanita kedua kepada Datin Paduka Hajah

Zahrah binti Haji Idris, isteri Menteri Pendidikan.

Datin Paduka menerima wang tunai \$10,000.00, sijil penghormatan, hadiah iringan mahkota kristal sumbangan Haji Mohd. Yusof Kontraktor Sendirian Berhad, tiket penerbangan pergi dan balik bagi menunaikan umrah sumbangan Nusantara Travel and Tours Sendirian Berhad dan kemudahan perubatan percuma termasuk segala perbelanjaan wad kelas pertama atau yang sebanding dengannya di hospital kerajaan di negara ini.

Majlis disusuli dengan persembahan Dikir Marhaban oleh gabungan pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Agama, Kementerian Perhubungan dan ahli-ahli Majlis Wanita, seterusnya diikuti bacaan doa selamat oleh Datin Hajah Maznah binti Haji Muhammad.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia serta ahli-ahli kerabat diraja kemudian dijunjung berangkat menyaksikan pameran pelbagai hasil kraf tangan wanita Brunei, kemahiran dan kreativiti serta produk yang telah dihasilkan oleh para penuntut institusi teknikal.

Selain itu pameran juga disertai oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Perhubungan, Pusat Pembangunan Belia, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Maktab Juru-rawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Pusat Latihan Mekanik dan beberapa buah sektor swasta serta orang-orang perseorangan.

Di majlis itu Kementerian Kesihatan juga telah mengadakan pemeriksaan kesihatan khusus kepada kaum wanita sahaja. Turut dipamerkan bidang kerjaya wanita. Pameran tersebut mengemukakan beberapa orang personaliti wanita Brunei yang telah mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang kerjaya sama ada dalam sektor perkhidmatan awam, swasta dan juga korporat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berangkat meninggalkan majlis (atas). Sementara gambar kanan, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran oleh sebuah agensi. Manakala gambar bawah kiri, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan bahan-bahan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang turut dipamerkan di majlis itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri tertarik dengan keindahan kraf tangan yang diperbuat daripada buluh yang diusahakan oleh pengusaha wanita tempatan (atas). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri tertarik dengan kehalusan tenunan kain jong sarat yang diusahakan oleh wanita tempatan. Manakala gambar bawah, Pasukan Askar Wanita tidak ketinggalan menghadiri Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulidur Rasul.



Atur cara perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-56 dikemaskini



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin ketika mempengerusikan Mesyuarat Kali Ketiga Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

20 institusi kerajaan terima wakaf buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGA-WAN, 23 Mei. - Sebanyak 20 buah institusi kerajaan yang terdiri daripada perpustakaan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan serta beberapa buah perpustakaan institusi pengajian dan awam telah menerima wakaf sebanyak 20 buah judul buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan.

Penyerahan buku-buku wakaf tersebut telah disampaikan sendiri oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz selaku penyumbang wakaf peribadi kepada wakil-wakil penerima institusi-institusi yang berkenaan berlangsung di Darululfa' Brunei Darussalam di sini.

Hadir menyaksikan penyerahan wakaf tersebut termasuklah Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari beserta pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Buku-buku yang diwakafkan itu mengandungi fatwa dan irsyad hukum yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan sendiri.

Sejak skim wakaf buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan itu diumumkan pada 15 April lalu ianya telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan umat Islam di negara ini di mana pada bulan lalu sebanyak enam buah masjid telah menerima pakej wakaf buku tersebut yang disumbangkan oleh sebuah syarikat tempatan.

Siaran akhbar Jabatan Mufti Kerajaan menyatakan, pihaknya telah menerima beberapa orang pewakaf persendirian yang datang ke jabatan tersebut bagi menyerahkan skim tersebut dan ada

di antara mereka telah berwakaf ke masjid dan lain-lain institusi di luar negara seperti Malaysia, Republik Singapura dan Thailand.

Antara lain skim tersebut diperkenalkan ialah untuk menyediakan peluang-peluang berwakaf dan beramal jariah bagi semua lapisan umat Islam dalam membentuk buku kepada institusi kerajaan, masjid, sekolah dan pusat-pusat rujukan awam sebagai langkah ke arah memandu masyarakat Islam dalam mengembang dan menyebarkan ilmu Islam yang lebih luas skop dan bentuknya serta dalam memakmurkan negara dengan ilmu serta menyuburkan lagi intelektualisme di negara ini.

Bagi pihak yang ingin menyertai skim yang telah

diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini bolehlah mengisi borang yang disediakan dan menyerahkannya kepada Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan.

Sebelum menyerahkan borang untuk berwakaf, pewakaf juga diminta untuk memilih pakej yang telah disusun dan menentukan tempat buku tersebut untuk diwakafkan bersama wang wakafnya.

Sempena dengan skim wakaf buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan ini sebanyak enam pakej telah disediakan bagi pilihan pewakaf.

UBD terima sumbangan buku dari Kedutaan China

GADONG, 23 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) terus menerima sumbangan berbentuk buku dari pihak swasta dalam membantu me-

ingkatkan bagi koleksi dan jumlah buku-buku yang terdapat di Perpustakaan UBD.

Dalam hubungan itu, Kedutaan Besar Republik



PEMANGKU Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman menerima buku sumbangan dari Kedutaan Besar Republik Rakyat China di negara ini yang disampaikan oleh Duta Besarannya, Tuan Yang Terutama Qu Wenming. - Gambar oleh Abdullah HAD.



MUFTI Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz ketika menyampaikan buku-buku wakaf kepada wakil dua institusi kerajaan (atas dan bawah). - Gambar oleh Halim HS.



Oleh Aliddin HM

Rakyat China di Negara Brunei Darussalam telah menyumbangkan 59 buah buku pelbagai aspek termasuk mengenai cerita klasik, sejarah, budaya China dan sebagainya.

Sumbangan buku tersebut telah diterima oleh Pemangku Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman yang telah diserahkan oleh Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, TYT Qu Wenming di UBD.

Sumbangan itu juga memperlihatkan hubungan yang baik antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Rakyat

China terutama dalam konteks diplomatik dan pendidikan di mana UBD telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Pendidikan Luar Beijing pada tahun 2000 bagi pertukaran kakitangan, pelajar, penerbitan dan seminar bersama.

Dengan adanya sumbangan buku itu diharap akan dapat digunakan oleh para pelajar UBD dan orang awam untuk membuat rujukan mengenai dengan negara China.

Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam menempatkan lebih 300,000 buah buku ketika ini untuk rujukan para pelajar UBD dan orang awam.

Oleh Samle Hj. Jait

BANDAR SERI BEGA-WAN, 28 Mei. - Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 terus mengemaskinikan persiapan-persiapan atur cara sambutan menarik bagi tahun ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin telah mempengerusikan mesyuarat kali ketiga itu di Dewan Persantapan Lapau, di sini.

Ketika mempengerusikan mesyuarat, Dato Seri Paduka berharap agar usaha-usaha persediaan yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar.

Mesyuarat antara lain meneliti dan mengesahkan minit mesyuarat kedua serta membincangkan perkara-perkara yang berbangkit.

Tahun ini, Majlis Keberangkatan Bercemar Duli Beramah Mesra Bersama Rakyat bagi Daerah Brunei dan Muara dijangka akan diadakan di Kampung Pusu Ulak, Mukim Kianggeh dan di Taman Rekreasi Sungai Basong, Bukit Bendera bagi Daerah Tutong.

Majlis serupa juga diangka akan berlangsung di kawasan Padang Bandaran Daerah Belait, sementara Tasik Taman Mini Replika Pusat Kajian Luar Ulu Belalong dan di Padang Dewan Kemasyarakatan, Temburong adalah antara lokasi yang telah dicadangkan bagi Daerah Temburong.

Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz antara ahli jawatankuasa yang hadir di mesyuarat berkenaan.

Majlis bermula dengan bacaan doa selamat oleh Pengarah Hal Ehwal Masjid, Ustaz Haji Rajid bin Haji Abdul Kadir.

Penjagaan keluarga jadi tumpuan kerjaya kejururawatan

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 24 Mei. - Kejururawatan terhadap penjagaan keluarga sebagai proses berterusan sepanjang hayat dan selalu dijadikan tumpuan kerjaya kejururawatan.

Kepentingan kekeluargaan dan peranan ahli keluarga dalam menjaga kesihatan juga perlu diberi perhatian.

Walau bagaimanapun, peralihan sistem kekeluargaan kepada sistem keluarga nuklear menjadikan penjagaan rawatan bertamabah mahir dengan berorientasikan rawatan di hospital-hospital dan perhatian terhadap keluarga semakin berkurangan.

Sehubungan dengan itu Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan telah mengadakan Forum Kemasyarakatan Penjagaan Keluarga yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengetua Jururawat Kesihatan Kemasyarakatan, Dr. Haji Abd. Hamit, manakala ahli forum terdiri Pegawai Jururawat, Dayang Hajah Zaliha dan Pegawai Jururawat Kanan, Pengiran Haji Zainal yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut Perkhidmatan Kejururawatan telah mencatatkan seramai 646 orang pesakit yang mendapat rawatan di rumah masing-masing di semua daerah bagi tempoh Januari hingga April tahun ini dan ia menunjukkan peningkatan dari masa ke semasa.

Forum tersebut sebagai projek bulanan Kementerian Kesihatan yang dikendalikan melalui Pengurusan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sempena sambutan Hari Jururawat Antarabangsa pada 12 Mei lalu.

Tema sambutan tahun ini Jururawat Sentiasa Membantu Awa: Menjaga Keluarga bersesuaian dengan keadaan setempat khususnya di negara ini.

Dengan mengadakan forum seumpama itu diharap akan meningkatkan kesedaran dalam peranan dan tanggungjawab di bidang penjagaan kesihatan keluarga oleh kakitangan jururawat di rumah-rumah.

Selain itu, forum juga digunakan sebagai mempromosikan kesedaran kepada orang ramai mengenai tanggungjawab dan sumbangan jururawat dalam menyajikan penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Forum bertujuan mengetengahkan peranan serta sumbangan jururawat dan juga perkhidmatan kejururawatan dari segi penyampaian dan pelaksanaan perkhidmatan perubatan kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Selain itu, ianya juga untuk meningkatkan kepekaan orang ramai mengenai peranan jururawat dalam proses penjagaan keluarga secara menyeluruh dan memberi peluang berkongsi pengetahuan dan pengalaman di antara jururawat dan ahli masyarakat khususnya dalam bidang penjagaan keluarga.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan sijil kepada peserta Perkhemahan Muhibah Pemimpin Muda Tahun 2002 (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia berkenan menerima tajaan tiket penerbangan daripada Bank Standard Chartered bagi penyertaan 21 ahli Persatuan Pandu Puteri ke Kem Antarabangsa di Republik Singapura. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

70 Pemimpin Muda, Pandu Puteri terima sijil

BERAKAS, 2 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPNBD) berkenan mengurniakan sijil-sijil kepada peserta Perkhemahan Muhibah Pemimpin Muda Tahun 2002.

Perkhemahan hujung minggu selama tiga hari itu merupakan projek julung kali dikendalikan Pemimpin Muda bagi sesi 2002-2003 yang disertai oleh seramai 70 ahli Pemimpin Muda dan ahli

Oleh Samle HJ

Pandu Puteri seluruh negara di Ibu Pejabat dan Pusat Latihan PPNBD di sini.

Yang Teramat Mulia juga berkenan meninjau secara dekat kegiatan-kegiatan perkhemahan yang bertemakan 'Khidmatu Kesejahteraan Negaraku dan Duniaku'.

Sepanjang perkhemahan, para peserta menjalankan beraneka aktiviti seperti kerja perkhemahan, kemasyarakatan, alam sekitar, keagamaan, kesihatan dan kraf tangan.

Sementara itu seramai 100 orang Tunas Puteri juga mengadakan perkhemahan sehari menyertai Pemimpin Muda sebagai latihan asas mereka.

Perkhemahan Muhibah Pemimpin Muda Senegara Tahun 2002 diselenggarakan oleh ahli-ahli Pemimpin Muda PPNBD.

Sebelum ini, Pemimpin Muda telah menjalankan beberapa projek termasuk projek menghimpunkan barang-barang terpakai dan dihulurkan kepada mereka yang memerlukan di kampung-kampung di Daerah Brunei dan Muara.

Di akhir majlis, Yang Teramat Mulia berkenan menerima tajaan tiket penerbangan daripada Bank Standard Chartered bagi penyertaan seramai 21 orang Pemimpin, Pemimpin Muda, Pandu Puteri dan Tunas Puteri ke International Camp di Republik Singapura.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah ketika menyaksikan Pameran Statik Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang berlangsung di Padang Bandaran Kuala Belait (kiri). Sementara gambar kanan, pameran ABDB bukan sahaja menarik minat orang dewasa malahan juga kanak-kanak. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



Latihan Mallee Bull 2002 Brunei-Australia capai kejayaan

BERAKAS, 23 Mei. - Latihan ketenteraan Mallee Bull 2002 antara Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDB) dengan Rejimen Ke-6 Diraja Australia (6 RAR) dengan rasminya berakhir dengan penyerahan bendera yang berlangsung di Padang Kawad Berakas Kem di sini.

Penyerahan bendera tersebut telah disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Batalion Pertama ATDDB, Leftenan Kolonel Pengiran Zulkifli kepada Pegawai Pemerintah 6 RAR, Leftenan Kolonel Glen P. H. B. Babington selaku tetamu kehormat di majlis itu.

Menurut Leftenan Kolonel Glen P. H. B. Babington, latihan tersebut melambangkan perimustahaknya agar aktiviti pertukaran ketenteraan seperti itu akan dapat diteruskan di masa hadapan.

Beliau merasa gembira dengan me-

Oleh Abu Bakar HAR

nyatakan latihan tersebut merupakan suatu pengiktirafan istimewa dengan mengamalkan sikap hormat-menghormati yang sedia ada di antara kedua-dua negara, di samping dapat membina hubungan dan berkongsi pengalaman latihan.

Selain itu katanya, ia juga dapat mencerminkan sikap profesionalisme ketenteraan dan bagi menghasilkan kehendak yang terbaik.

Latihan yang bermula sejak 10 Mei lalu telah berpeluang untuk mempelajari mengenai keadaan kesukaran tanah dan hutan tertutup yang mana sedikit sebanyak dapat melengkapkan kebolehan masing-masing.

Pameran Ulang Tahun ABDB Ke-41 mendapat sambutan

KUALA BELAIT, 1 Jun. - Padang Bandaran menjadi tumpuan orang ramai terutama penduduk yang tinggal di Daerah Belait bagi menyaksikan persembahan dan Pameran Statik Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sempena sambutan hari ulang tahun angkatan tersebut ke-41 yang diadakan serentak di seluruh negara.

Persembahan dan pameran di Daerah Belait dengan tema Memperkasa Keberkesanan Pertahanan Negara telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah.

Oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

Pelbagai acara padang telah diaturnakan bagi sambutan tersebut yang melibatkan seluruh unit ABDB terdiri Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut, Diraja Brunei, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dan Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei antaranya pertunjukan payung terjun, persembahan serunai dan tambur, per-

lawanan memasang berel meriam katak, persembahan kawad tepat, senaman menggunakan senjata dan perlawanan memasang alat perhubungan.

Selain itu kelengkapan yang terdapat dalam unit-unit angkatan tentera termasuk pesawat-pesawat helikopter, bot laju dan perkakas-perkakas yang digunakan dalam ABDB juga dipamerkan.

Orang ramai juga dipelawa menyertai beberapa aktiviti 'fun-fair' seperti 'flying squirrel' iaitu turun dari bangunan menggunakan tali, rumah hantu,

menarik kenderaan seramai tujuh orang dan pertandingan memasak ala tentera.

Pada hari itu, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei juga memberi peluang meninjau kapal peluru berpandu mereka bagi kunjungan orang ramai yang diadakan di Dermaga Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei.

ABDB menyambut hari ulang tahunnya pada 31 Mei setiap tahun. Angkatan tersebut akan terus berkembang selari dengan arus kemajuan negara demi untuk memperkukuhkan keamanan dan kestabilan yang berpanjangan.



LATIHAN ketenteraan Mallee Bull 2002 antara Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDB) dengan Rejimen Ke-6 Diraja Australia (6 RAR). - Gambar oleh Halim HS.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan sama-sama membaca Dikir Marhaban (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan mengurniakan piala kepada Dayang Lia Nusaabah binti Haji Mirwan Batu Bara, juara Bahagian Pandu Puteri.

Majlis Penyampaian Hadiah-hadiah Pertandingan Membaca Al-Quran PPP

Gambar-gambar
oleh
Abdullah HAD
dan Hamadi HM



BAGINDA berkenan mengurniakan piala kepada Dayang Khazanah binti Haji Ahmad Tafsir, juara Bahagian Dewasa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan bergambar kenangan bersama para pemimpin dan pemenang Pertandingan Al-Quran Persatuan Pandu Puteri (atas). Sementara gambar kiri, baginda berkenan menerima jambangan bunga sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan mengurniakan piala kepada juara Bahagian Tunas Puteri, Dayang Nabillah binti Haji Abdul Rahman (atas). Sementara gambar kiri, Pesuruhjaya Pandu Puteri Daerah Brunei-Muara, Pengiran Hakimah binti Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh menyebarkan ucapan alu-aluan.



Liputan
Ak. Jefferi PD
Gambar-gambar
oleh Harun HR
dan Haji Masmaleh
HMA

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika berkenan mengurniakan sabda bagi merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota Ke-16 (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PAPDA sejeurus tiba di Centrepont.

DYTM Pengiran Isteri berkenan rasmikan Mesyuarat Agung PAPDA



DULI Yang Teramat Mulia dan anakanda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzhilah Lubabul Bolqiah berkenan beramah mesra bersama seorang ahli PAPDA (atas sekali). Sementara gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran.



GADONG, 24 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan berangkat bagi merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA) Ke-16 yang berlangsung di Goldstone, Centrepont di sini.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzhilah Lubabul Bolqiah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Mesyuarat Agung PAPDA.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh ahli PAPDA, Awang Khairul Zaman bin Haji Salleh dan diikuti dengan sembah ucapan alu-aluan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tadbir PAPDA selaku Pengerusi Bersama, Awang Haji Suhaili bin Haji Abd. Ahmad.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir Dabaie oleh penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan ahli-ahli PAPDA.

Duli Yang Teramat Mulia selaku Penaung persatuan itu dan ahli-ahli kerabat diraja kemudian berkenan menyaksikan pameran gambar aktiviti-aktiviti Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajah Maryam.

PAPDA pada mulanya secara tidak rasmi dikenali sebagai Kumpulan Membantu Pemulihan Anggota yang ditubuhkan pada bulan November 1985. Kumpulan itu terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian Jurupuluh Cara Kerja, Pemulihan Anggota, Pegawai Kebajikan Perubatan dan Ketua Jururawat Pembedahan di bawah pengawasan dan nasihat Yang Dimuliakan Pehin Dato Tabib Laila Adunan Diraja Dato Paduka Seri Laila Jasa Dr. I. A. Harris yang ketika itu memegang jawatan Pakar Bedah Kanan Negara.

Kumpulan itu kemudian menubuhkan Persatuan PAPDA yang didaftarkan secara rasmi pada 8 Julai 1986.

Berkat pimpinan Duli Yang Teramat Mulia penubuhan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajah Maryam sebagai mercu tanda ke arah mencapai objektif persatuan berkenan untuk meningkatkan taraf kehidupan dan kebajikan orang-orang yang menghidap paraplegia dan kekurangan upaya fizikal.

Keramaian ahli PAPDA sehingga kini 368 orang, manakala ahli bersekutu terdiri daripada sukarelawan seramai 314 orang.

Dengan penubuhan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajah Maryam ianya diharap akan berkembang lebih maju menjadi pusat kecemerlangan bagi mereka yang mengalami pelbagai kekurangan, kekurangan upaya tidak ada batas sosioekonomi.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berbual mesra bersama seorang ahli PAPDA (atas). Sementara gambar bawah, sebahagian dari ahli-ahli PAPDA yang hadir di Majlis Mesyuarat Agung PAPDA.



Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-41 Pameran Statik mendapat sambutan orang ramai

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Jun. - Ratusan orang ramai membanjiri perkarangan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah bagi menyaksikan secara dekat Pameran Statik dan Alat-alat Ketenteraan sempena Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-41.

Pameran sehari suntuk itu disertai oleh unit-unit Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB); Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB); Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) dan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB).

Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar merasmikan pameran tersebut.

Persembahan koir dan

pergerakan bendera-bendera ABDB memulakan persembahan ulang tahun dengan cukup meriah bertepatan 'Memperkasakan Keberkesanan Pertahanan Negara'.

Selain mempamerkan aktiviti ketenteraan melalui pameran gambar-gambar, orang ramai juga berpeluang menyaksikan pertunjukan sistem peralatan pertahanan yang berfungsi bagi operasi di darat, udara dan laut.

Kereta-kereta kebal, sistem anti-peluru, pemusnah pesawat udara turut mendapat perhatian, sementara itu ke semua unit yang mengambil bahagian mendedahkan peranan mereka dalam mempertahankan dan menjaga keamanan serta kestabilan negara.

Peralatan yang canggih dan serba moden yang dimiliki oleh ABDB itu sangat dikagumi oleh para

pengunjung sehingga mereka sama-sama turut bangga kelebihan yang dimiliki oleh ABDB ketika ini.

Para pengunjung yang berpusu-pusu ke sambutan itu bukan saja mendapat pengetahuan, malah Pameran Statik Ketenteraan itu juga berjaya mendedahkan peranan ABDB sebenar.

ABDB telah ditubuhkan pada 31 Mei 1961 dengan dikendali sebagai Askar Melayu Brunei dan pada 31 Mei 1965 dikenali sebagai Askar Melayu Diraja Brunei (AMDB).

Pada 1 April 1984 AMD Brunei telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dinaikkan taraf menjadi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

ABDB ditubuhkan bagi

Oleh Samle
Haji Jait
Gambar-gambar
oleh
Mohd. Zul-Izzi

bertindak untuk menghalang sebarang kuasa luar yang berniat untuk campur tangan secara langsung kepada negara dan sebarang unsur subversif yang aktual atau potensi berlaku di dalam negeri.

Selain bersedia untuk mengambil tindakan bagi menentang pencerobohan, pengganasan dan pemberontakan, ABDB juga dihasratkan bagi memelihara ketenteraman awam sebagai membantu pihak polis dan pihak berkuasa awam, di samping sentiasa mengekalkan hubungan dengan masyarakat.

ATDDDB merupakan tenaga tempur yang utama dan terbesar dalam ABDB yang memainkan peranan penting dalam menangani tugas dan tanggungjawab sebagai tulang belakang pertahanan negara.

ATDDDB dilengkapi dengan senjata dan peralatan tentera yang berupaya mematahkan serangan dari darat, laut dan juga udara dengan mempunyai empat batalion yang terdiri daripada tiga batalion tentera berjalan kaki Batalion Pertama, Batalion Kedua, Batalion Ketiga dan Batalion Bantu.

Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) pula bertanggungjawab bagi mengawal, menjaga dan meronda perairan negara yang dilengkapi kapal-kapal ronda dan kapal perang laju lengkap dengan sistem peluru berpandu dan senjata penang-



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar merasmikan Pameran Statik dan Alat-alat Ketenteraan sempena Ulang Tahun Ke-41 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (atas).

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan lain-lain tetamu termasuk Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Harun ketika menyaksikan pelbagai pameran sempena sambutan itu (kiri dan bawah).



kis kapal terbang dan sasaran darat.

Tiga cawangan besar dalam ATLDB iaitu Cawangan Tadbir dan Cawangan Bantu bagi melicinkan lagi operasi unit berkenaan.

ATUDB pula mula-mula ditubuhkan dengan fungsi utamanya pada masa itu untuk memberikan bantuan kepada Perkhidmatan Doktor Perubatan (Doktor Udara) ke kawasan-kawasan pedalaman.

Bagaimanapun,

ATUDB merupakan unit amat penting sebagai benteng pertahanan udara, di samping memberikan bantuan pengangkutan dan logistik dalam ABDB.

Unit tersebut terus meluaskan perkhidmatannya dengan menubuhkan beberapa cawangan seperti Skuadron 1, Skuadron 2, Skuadron Sekolah Latihan Penerbangan Asas, Unit Payung Terjun, Sekolah Latihan dan Skuadron Pertahanan Udara.

Tertubuhnya Pusat Latihan Angkatan Bersenjata

Diraja Brunei adalah bagi melatih asas ketenteraan kepada rekrut dan pelbagai bidang ketenteraan khusus anggota tentera yang diperlukan oleh ABDB.

Latihan bagi semua peringkat dari segi kecakapan ketenteraan diadakan di dalam dan luar negara termasuk rekrut dan kursus kompeni, pasukan Kadet Tentera, Kompeni Askar Muda, sekolah pengajian, perkembangan pendidikan pegawai, kompeni pentadbiran dan kawalan Padang Tembak Binturan.



PERTUNJUKAN dan persembahan pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menarik perhatian orang ramai yang hadir di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah di ibu negara.

ARENA SUKAN



SKUAD Tebuan mungkin berpeluang untuk beraksi di Piala Malaysia tahun ini jika memenangi semua baki perlawanan dalam dan gelanggang luar setelah menundukkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) 3-1.

TEBUAN SENGAT POLIS 3-1

Oleh Abdullah Asgar

Perlawanan yang diadakan di Stadium Negara Hassanah Bolkiah pada 27 Mei lalu menyaksikan penguasaan Sang Tebuan kerana banyak melakukan serangan dan peluang jaringan yang gagal menembusi gawang PDRM.

Sang Tebuan melalui penyerang Gueorgui Slavtchev dan Silas Liberto serta Fadlin Gelawat dan Ak. Mohd. Shahrom banyak terlepas peluang untuk menjaringkan gol di awal-awal perlawanan sehingga pada minit ke 23 melalui tendangan sudut tandukan Silas berjaya menembusi gawang Polis yang dikawal oleh Murugan yang juga selaku ketua pasukan.

Namun serangan balas mengejut dari barisan Polis melalui pemain import Theophilus Ammo sebagai penggerak yang dibantu penyerang mereka juga sering memaksa Md. Wardun bekerja keras menyelamatkan gawangnya.

Kuarter attack Polis berterusan sehinggalah beberapa kali nyaris menjaringkan gol tetapi nasib belum menyebelahi mereka.

Pada minit ke 14 Abang Norsilmy dilayangkan kad kuning kerana mengasari salah seorang penyerang Polis, Raja Azlan Shah sehingga tidak lama kemudian beliau terpaksa digantikan oleh Bonny Wison.

Tetapi pada minit ke 27 giliran pertahanan Polis, Mohd. Saiful pula dilayangkan kad kuning kerana mengasari Silas, dua minit kemudian Silas pula hampir menjaringkan gol melalui rembatannya tapi Murugan lebih bijak menangkap ke arah bola.

Sang Tebuan terus mengawal perlawanan bilamana pada minit ke 33 tandukan Gueorgui hanya beberapa inci melimpas tiang gol dan seminit kemudian Hj. Mohd. Subhi pula dilayangkan kad kuning kerana berlaku kasar.

Serangan berbahaya Polis terus menekan pertahanan Sang Tebuan setelah Sharimin Hairul juga dilayangkan kad kuning di bahak akhir separuh masa pertama.

Di masa kedua dengan serangan yang berterusan oleh Polis akhirnya mereka berjaya menyamakan kedudukan di minit ke 65 melalui Robaizan Ribi.

Namun lima minit kemudian giliran Fadlin pula menggagalkan gawang Polis untuk jaringan kedua Sang Tebuan yang terkena tiang gol dan disudahinya.

Akibat terlekan dengan gol kedua Sang Tebuan, Polis terus membalas serangan tapi masih gagal menemui ruang kosong untuk menembusi gawang kerana Md. Wardun lebih cekap menangkap bola.

Dua minit kemudian Riwardi Wahit dimasukkan bagi menggantikan Gueorgui di mana ia ternyata berhasil apabila beliau menjaringkan gol ketiga di minit 76.

Menyadari sudah mendahului 3-1 Sang Tebuan memperlahankan permainan namun terus berhati-hati dengan kuarter attack Polis yang sering berbahaya.

Tiam minit setelah gol ketiga, Silas pula dikeluarkan digantikan dengan Ak. Sallehuddin untuk terus mencari gol di mana strategi ini hampir berjaya di minit 92 dalam masa tambahan Riwardi sekali lagi nyaris menembusi gawang Polis.

Sang Tebuan menunjukkan banyak perubahan dengan corak permainan yang mantap dengan kawalan bola yang baik dan hantaran yang kerap namun masih kurang percubaan di luar kawasan D dan banyak melepaskan peluang keemasan untuk menghasilkan gol masih menghantui mereka.

Perlawanan seterusnya ialah menentang MPPJ Selangor pada 7 Jun ini di Selangor. Mereka harus terus menong untuk mengukuhkan kedudukan sekarang.

Bola Sepak Jemputan Piala DPMM F.C. 2002 DPMM F.C. MUNCUL JUARA

Oleh Haji Ahat HI

DPMM F.C. muncul menjuarai Kejohanan Bola Sepak Piala Jemputan DPMM F.C. 2002 selepas menumpaskan Mahkota United F.C. 5-1 pada perlawanan akhir di Stadium Negara Hassanah Bolkiah pada 28 Mei lalu.

Perlawanan akhir yang disaksikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik menyaksikan mutu permainan yang menarik serta mendebarkan dari kedua-dua pasukan.

Sebaik saja wisel permainan bermula Mahkota United F.C. sudah di hadapan mendahului DPMM F.C. 1-0 melalui jaringan John Charles dan kemudian Nick Hyde

menyamakan kedudukan 1-1.

Dalam kedudukan itu rentak permainan DPMM F.C. nyata lebih menyerlah dengan melakukan banyak serangan sehingga memaksa penjaga gol Mahkota United F.C. Azman Ilham berkejar mengawal pintu golnya.

Dalam pada itu barisan pertahanan mereka juga sering goyah sehingga John Charles diperintah keluar padang selepas mengasari Junior de Mura yang membawa kepada sepakan penalti untuk DPMM F.C. Peluang sepakan tersebut dengan mudah disudahi oleh Ajayi Oluseye untuk menjadikan DPMM F.C. mengatasi 2-1.

Kelembahan Mahkota United F.C. yang bermain dengan 10 orang pemain selepas Johan Charles dikeluarkan padang, memberi ruang yang luas bagi DPMM F.C. untuk menambahkan jaringan.

Begitupun Mahkota United F.C. yang masih mempunyai lima pemain import berjaya mengekang asakan penyerang-penyerang DPMM F.C. dan dalam masa yang sama itu juga hampir memperolehi jaring melalui percubaan-percubaan dari Philip Sime, Michael Katz dan Vitanus Okwara.

Di separuh masa kedua, DPMM F.C. memulakan permainan lebih cepat dan menambahkan jaringan ketiga melalui Junior de Mura yang hanya menolak bola masuk selepas bergelut di depan pintu gol.

Selang beberapa minit kemudian, Ajayi Oluseye yang juga dipilih sebagai pemain terbaik perlawanan akhir, menambahkan jaringan keempat melalui bola hantaran tinggi dari Md. Ali Hj. Momin dan terus merembat masuk di tepi kanan tiang gol, manakala jaringan kelima, juga dilakukan oleh Ajayi Oluseye dari rembatan jarak dekat.

Pada kejohanan pertama itu Pasukan Bola Sepak Daerah Temburong dipilih sebagai pasukan terbaik dan Pasukan Daerah Brunei dan Muara pula menduduki tempat ketiga.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan hadiah kepada Pasukan Daerah Brunei dan Muara yang menduduki tempat ketiga. - Gambar oleh Md. Zul-izzi.



BERJAYA ... Barisan DPMM F.C. meraikan kemenangan mereka selepas menumpaskan Mahkota United F.C. 5-1. - Gambar oleh Md. Zul-izzi.

Temasya Sukan Sek. Bakti Dewa

LEBIH dari 200 orang murid dari empat pasukan rumah-rumah menyertai Kejohanan Sukan Sekolah Bakti Dewa 2002, yang dirasmikan oleh Pemangku Pengarah Bagi Sekolah Bukan Kerajaan, Dayang Hajah Haziah binti Dato Paduka Abu Zar.

Temasya sukan kali pertama di balapan dan padang itu bermula dengan upacara hormat serta perbarisan lalu dari Pasukan Rumah Merah, Rumah Hijau, Rumah Biru dan Rumah Kuning.

Ikrar sukan dibacakan oleh Ak. Azizul dan diikuti dengan pelbagai persembahan-persembahan oleh murid-murid sekolah berkenaan.

Sukan yang julung-julung kali dilangsungkan itu bertujuan untuk menggalakkan murid-murid aktif bersukan sebagai riadah kesihatan selain menjadikan aktiviti kegiatan sekolah.

Selain dari itu juga, melalui kegiatan tersebut akan dapat menanamkan semangat sukan sukan dan menyemai bakat kanak-

kanak dalam bidang sukan, agar sentiasa aktif.



BEGINI ... Pemain Mahkota United F.C. jersi cerah cuba dicabar oleh pertahanan DPMM F.C., Cristian Fedor semasa perlawanan akhir. - Gambar oleh Md. Zul-izzi.

WALKATON BERTAJA JPM

JAWATANKUASA Kegiatan-kegiatan Keagamaan, Kebajikan dan Sukan, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya akan menganjurkan Walkaton Bertaja Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya Tahun 2002 pada hari Ahad, 9 Jun 2002 di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas.

Walkaton akan bermula pada jam 8.00 pagi. Walau bagaimanapun, pihak penganjur menyeru para peserta agar hadir sejam lebih awal. Sebaik acara walkaton berakhir, peserta yang berjaya mengutip kutipan terbanyak akan menerima hadiah. Para peserta juga berpeluang menerima cabutan kad istimewa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima watikah perlintihan tiga Duta Besar negara sahabat. Gambar kiri, Duta Besar Republik Filipina, Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez, gambar tengah, Duta Besar Kemboja, Tuan yang Terutama ITH Dettola dan Duta Besar Sepanyol yang tidak menetap Tuan Yang Terutama Alvaro Iranzo Gutierrez. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Dari muka 1

Duta Besar ke Republik Arab Mesir itu juga pernah menjadi Pensiarah di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Pegawai Diplomatik Kanan dan Timbalan Pengarah Jabatan Penyelidikan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Selain itu Tuan Yang Terutama juga pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Kedua, Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Kuala Lumpur dan Kuasa-usaha Tetap, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam ke Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu.

Sementara itu Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez, 51 tahun memegang ijazah M.A. dari Institut Asian Studies Universiti Filipina selain mengikuti B.S. Foreign Service di Universiti Filipina.

Duta Besar Republik Filipina itu juga pernah menjadi Kuasa-usaha dari tahun 1993 hingga 1999 dan Minister Of Counselor and Consul General di Kedutaan Besar Filipina ke negara ini.

Terdahulu Puan Yang Terutama bertugas sebagai Setiausaha Kedua dan Setiausaha Pertama dan Konsul serta Pengarah di Pejabat Hal Ehwal ASEAN, Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri.

Tuan Yang Terutama ITH Dettola, 58 tahun, berkelulusan ijazah Master dari Universiti Perancis selain pernah menandatangani dalam bidang seni bina di Pusat Pengajian Switzerland.

Duta Besar ini juga pernah menjadi Kaunselor dan Wakil Peribadi Samdech Krom Preah Norodom Ranariddh di Switzerland dan Kemboja (President of the Council of Ministers) dan Governor of Sihanoukville, Kementerian Dalam Negeri

Kesultanan Kemboja.

Tuan Yang Terutama Alvaro Iranzo Gutierrez, 47 tahun, mendapat ijazah dan diploma dalam bidang Undang-undang Pengajian Antarabangsa dari Pengajian Diplomatik, Madrid.

Duta Besar ini mula berkhidmat dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada tahun 1981 sebagai Setiausaha Kedua, kemudian sebagai Timbalan Ketua Perwakilan di Kedutaan Mozambique, Pengarah Bagi Hal Ehwal Politik Bagi Rantau Afrika Utara dan Timur Tengah, Timbalan Ketua Perwakilan ke Algeria dan Duta Besar Sepanyol ke Angola.

Persefahaman erat Brunei-Itali sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Carlo Azeglio Ciampi, Presiden Republik Itali dan kepada Yang Berhormat Silvio Berlusconi, Perdana Menteri Republik Itali sempena ulang tahun Hari Republik Itali.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik

Itali. Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan tersebut baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Carlo Azeglio Ciampi, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Itali akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Yang Berhormat Silvio Berlusconi, Perdana Menteri Republik Itali, baginda mengucapkan

setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat dan kerajaan serta rakyat Republik Itali sempena ulang tahun Hari Republik Itali.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Itali. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Yang Berhormat Silvio Berlusconi, Perdana Menteri Republik Itali akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

Dari muka 1

Sukan bebas daripada tembakau

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Mei. - Pada tahun ini, tema Hari Tanpa Tembakau Sedunia ialah 'Sukan Bebas Tembakau - Bersukan Tanpa Rokok' (Tobacco Free Sports - Play It Clean). Tema ini dipilih oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk menggalakkan sukan bebas daripada tembakau.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusan sempena Hari Tembakau Sedunia menegaskan sukan bebas tembakau bukan saja bererti pemain atau penonton yang tidak merokok tetapi juga ialah penghapusan pengiklanan tembakau dalam acara sukan.

Syarikat-syarikat tembakau jelasnya, membelanjakan berjuta ringgit setiap tahun dalam pengiklanan dan tajaan pelbagai acara sukan di seluruh dunia. Ini menjadikan penggunaan tembakau lebih berleluasa.

Yang Berhormat menjelaskan, bersukan mendorong kepada kehidupan yang sihat, persaingan yang sihat dan keriang. Dalam hal ini ramai orang tidak menyedari yang merokok memusnahkan semua kebaikan dan faedah yang diperolehi dari bersukan. Merokok menjadikan seseorang itu kurang bertenaga dan boleh mempengaruhi pencapaian dalam sukan.

Setiap tahun, tabiat merokok di kalangan golongan muda semakin meningkat walaupun merokok adalah diketahui sebagai satu tabiat ketagihan yang boleh mengakibatkan kematian, satu dari setiap 10 orang di seluruh dunia mati disebabkan oleh rokok. Bebanan terhadap kesihatan yang disebabkan oleh tabiat merokok adalah tinggi, jelas Yang Berhormat.

Di Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat masih terdapat sebilangan besar perokok yang merokok di tempat-tempat awam. Ini mengakibatkan mereka yang tidak merokok terdedah kepada asap rokok (perokok pasif). Ini menunjukkan sikap kurang prihatin terhadap kesan-kesan negatif asap rokok kepada orang lain.

Bersempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia ini, Yang Berhormat mengajak rakyat dan penduduk di negara ini supaya bersama-sama menguatkan lagi azam dan usaha ke arah membendung penggunaan tembakau sama ada di rumah, di pejabat, di tempat kerja, di tempat-tempat sukan dan riadah serta tempat-tempat awam yang lain.

Dengan usaha itu, insya-Allah akan menjadikan tempat-tempat ini bebas dari asap rokok, tegasnya.

Ketua Hakim Negara menambah, kawasan Brunei-Muara mencatatkan kes-kes sivil yang banyak iaitu 1,031 walaupun ia menurun sebanyak 234 kes daripada tahun 2000.

Berhubung pesalah juvenil (pesalah muda) beliau mencadangkan supaya mereka itu ditempatkan di pusat-pusat tahanan atau latihan yang berasingan di

bawah jagaan kakitangan yang berkelayakan dan terlatih.

Ini kerana tambahnya, dapat mengurangkan jumlah penduduk penjara di Pusat Penjara Jerudong dan lebih baik mengasingkan mereka kerana menempatkan mereka di satu tempat yang sama ia tidak akan membantu dalam membentuk keperibadian mereka.

Nombor baru Ibu Sawat Berakas Garison

UNTUK makluman orang ramai nombor baru bagi Ibu Sawat Berakas Garison telah diubah daripada pertukaran Ibu Sawat lama kepada Ibu Sawat Digital yang baru.

Sehubungan dengan perubahan ini nombor bagi memanggil telefon operator bagi Perkhemahan Berakas telah pun diubah daripada 02-392111 kepada 02-311000 dan perubahan ini telah berkuat kuasa pada 16 Mei 2002 jam 11.59 malam.

MEMPERKASA KEBERKESANAN PERTAHANAN NEGARA

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتی اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Hanya 13 peratus pengguna internet

BERAKAS, 25 Mei. - Kadar penggunaan internet di negara ini masih di tahap rendah hanya 13 peratus dari jumlah penduduk yang melebihi 300 ribu orang berbanding Republik Singapura yang penggunaan internetnya mencapai 60 peratus dengan penduduknya lebih tiga juta orang.

Kenyataan itu terjadi di sebalik usaha kerajaan yang telah pun memperuntukkan perbelanjaan yang sangat tinggi bagi mempertingkatkan prasarana informasi teknologi maklumat (ICT).

Dalam hal itu, dengan penubuhan Majlis Teknologi Informasi Brunei (BITC) terdapat beberapa keperluan dan strategi bagi melaksanakan bidang IT iaitu infrastruktur, perundangan dan kawal selia, aplikasi, keselamatan dan mempertingkatkan keupayaan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah ketika berucap di Majlis Perasmian Pelancaran Laman Web bagi Masjid Mohammad Bolkiah yang diteruskan dengan Majlis Penutup Dikir Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Katanya, hampir di setiap rumah di negara ini telah ada akses prasarana IT namun tahap penggunaan internet masih rendah hanya 13 peratus, manakala di bidang perundangan dan kawal selia negara telah pun memperkenalkan beberapa undang-undang yang penting bagi mengawal selia isu-isu yang akan timbul dalam bidang itu.

"Dalam bidang aplikasi, negara masih di tahap rendah kerana hampir semua aplikasi yang ada masih lagi yang dihasilkan di luar negara," katanya.

"Kita berharap usaha akan dapat diambil bagi membantu menghasilkan aplikasi kita sendiri, antara pelbagai usaha dalam bidang ini ialah pengeluaran beberapa perisian yang sedang diusahakan oleh penuntut-penuntut dan usaha bagi mewujudkan satu pusat bagi menggalakkan usaha itu ialah Incubation Centre," tambahnya.

Sementara itu dalam hal isu keselamatan adalah sangat penting kerana IT mewujudkan pengumpulan data yang begitu banyak.

"Usaha-usaha terpaksa ditumpukan supaya data-data itu dapat disimpan dengan selamat, sekarang juga banyak

Oleh Abdullah Asgar

timbul apa yang dipanggil hackers dan virus computer," jelasnya.

Manakala hal mempertingkat keupayaan, bidang itu juga penting kerana dalam suasana ekonomi baru kekayaan yang paling berharga ialah kemahiran dan keupayaan semua kakitangan dan penduduk tersebut.

"Rancangan untuk meningkatkan keupayaan dalam kemahiran kakitangan, penduduk, penuntut dan masyarakat secara menyeluruh adalah merupakan langkah yang sangat penting," ujarnya.

Masjid Mohammad Bolkiah kini boleh dilayari dengan laman web www.mmbbs-brunei.com.

Majlis malam itu diteruskan dengan penutup Dikir Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana Dikir Maulid telah diadakan di masjid tersebut sejak 12 malam yang lalu.

Majlis dikendalikan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan dengan memulakan dengan Dikir Assalamualaika hingga Ashrakal.

Antara yang membuat persembahan dikir termasuklah kumpulan dikir dari jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta, kampung-kampung, bank-bank, kumpulan dikir Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah dan Sekolah Agama Kampong Lambak.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah ketika menyaksikan laman web bagi Masjid Mohammad Bolkiah sejurus melancarkannya di Majlis Penutup Dikir Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. - Gambar oleh Hamadi HM.

PUSAT AKUAKULTUR DIJANGKA SIAP TAHUN 2003

MUARA, 23 Mei. - Dengan beroperasinya Pusat Perkembangan Akuakultur yang dijangka siap pada tahun 2003, Jabatan Perikanan berharap akan dapat mempercepatkan lagi sumbangan industri akuakultur bernilai kira-kira \$71 juta setahun sebagai sebahagian daripada sumbangan sektor perikanan yang bernilai lebih kurang \$200 juta setahun kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi mendukung hasrat mempelbagaikan sumber ekonomi negara.

Ke arah mencapai hasrat itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Perikanan telah menubuhkan dan membina bangunan Pusat Perkembangan Akuakultur di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 seperti Pemeliharaan Ikan-ikan Yang Berpotensi Untuk Dieksport (Meragang Hatchery Phase II).

Pembinaan pusat ini didorong oleh kejayaan cemerlang verifikasi udang rostris di negara ini di mana pusat itu akan memainkan peranan penting dalam menjadikan industri akuakultur sebagai pelaburan yang menguntungkan.

Sehubungan itu, Majlis Perletakan Batu Asas Bagi Pusat Perkembangan Akuakultur telah dilangsungkan di tapak berdekatan Lebuhraya Muara-Tutong di sini.

Oleh Haji Ahmad HS

Majlis Perletakan Batu Asas pusat itu disempurnakan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Diris bin Haji Belaman, kemudian diikuti oleh Pengarah Perikanan serta pegawai-pegawai kanan di bawah kementerian tersebut.

Pusat ini akan mempunyai fasiliti bagi membolehkan Jabatan Perikanan meneruskan kerja-kerja yang telah dimulakan secara terhad di Pusat Penetasan Meragang pada masa ini termasuk verifikasi teknologi penghasilan benih dan pemeliharaan spesies-spesies seperti udang putih tempatan, ikan kerapu, ketam, abalon dan lain-lain.

Dalam pada itu, Jabatan Perikanan juga menjangkakan kehendak-kehendak pasaran eksport yang semakin ketat dari segi kualiti di mana jabatan itu perlu memulakan kerja-kerja ve-

rifikasi sistem pemeliharaan mesra-alam seperti recirculatory, biofiltration, disease-free dan lain-lain.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perikanan, akuakultur berbanding dengan industri tangkapan adalah merupakan industri yang baru di negara ini, yang mana secara amnya adalah pemeliharaan ikan laut dalam sangkar dan udang dalam kolam.

Walaupun potensi dan kejayaan akuakultur sepe-nya masih jauh, keseluruhan penghasilan industri akuakultur, terutama sekali pemeliharaan udang adalah sangat menggalakkan.

Penghasilan udang beberapa tahun kebelakangan ini menghadapi beberapa masalah tetapi telah menunjukkan satu peningkatan yang sangat tinggi iaitu daripada hanya 45 tan metrik tahun 1999 kepada 66 tan metrik pada tahun 2000 dan 2,712 tan metrik pada tahun 2001.

Peningkatan penghasilan yang begitu tinggi berkaitan dengan kejayaan verifikasi udang rostris

yang telah dicapai oleh Jabatan Perikanan pada awal tahun 2000.

Tidak dinafikan perkara itu adalah satu kemajuan bagaimanapun ianya memberikan tekanan yang tidak dijangkakan ke atas keperluan bekalan benih udang, memaksa supaya Pusat Penetasan Meragang dijadikan Pusat Penghasilan Benih Udang Rostris sepe-nya.

"Keperluan benih udang rostris telah meningkat daripada \$20 juta bagi tahun 2000 kepada \$36 juta bagi tahun 2001. Pada tahun ini keperluan tersebut meningkat lagi kepada \$50 juta dan \$100 juta pada tahun 2003," jelas siaran itu.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usahanya untuk mempelbagaikan sumber-sumber ekonomi negara telah mengenal pasti perikanan sebagai salah satu sektor yang boleh memberikan sumbangnya.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Diris bin Haji Belaman ketika merasmikan perletakan batu asas Pusat Perkembangan Akuakultur berdekatan Lebuhraya Muara-Tutong. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

Sastera & Budaya

Sebab-sebab berlakunya perang di antara Brunei dan Sepanyol pada tahun 1578

OLEH AWANGKU SUHARMAN
PENGIRAN TUAH

APABILA mengetahui Brunei merupakan sebuah negara yang besar dan indah, maka ramai orang-orang Barat seperti Sepanyol ingin menakluki Brunei sebagai impian yang harus dilaksanakan. Walau bagaimanapun disebabkan Brunei pada ketika itu sangat kuat, impian mereka terpaksa mereka pendamkan. Kekuatan Raja Brunei juga digambarkan dalam Silsilah Raja-raja Brunei yang menyebutkan:

"Adapun pada zaman Sultan Saiful Rijal terlahul sangat keras perintahnya. Di atas kerajaannya, seorang pun raja-raja Berunai tiada dapat melawan."

Ini membuktikan Sultan Saiful Rijal seorang yang amat peka kepada negeri yang diperintah sehinggalah Brunei pada masa itu sangat kuat.

PERANG KASTILA

Pada 14 April 1578, pihak Sepanyol telah mengisytiharkan perang. Maka dari sini bermulalah peperangan yang disebut sebagai Perang Kastila yang merupakan satu kejadian yang amat penting dalam sejarah Brunei. Peperangan itu yang terjadi disebabkan di antara Brunei dan Sepanyol oleh beberapa faktor.

FAKTOR AGAMA

Faktor agama salah satu punca utama terjadinya peperangan. Dalam zaman pemerintahan Sultan Bolkiah, Brunei merupakan salah sebuah benteng Islam yang kuat di Alam Melayu bahkan pada abad ke-16, Brunei telah mengambil alih peranan Melaka sebagai sebuah negara yang kuat disebabkan Melaka jatuh ke tangan Portugis pada 24 Ogos 1511. Para mubaligh Brunei yang menyebarkan dakwah Islamiah telah berjaya menarik sebahagian besar daripada penduduk Kepulauan Filipina memeluk agama Islam seperti di Pulau Luzon, Sulu dan Mindanao, malah perkahwinan di antara keluarga diraja telah mengukuhkan lagi jalinan perhubungan di antara negeri-negeri.

Namun penampilan Brunei sebagai pusat penyebaran Islam di Filipina telah diganggu dan digugat apabila kuasa Sepanyol berjaya menjajah Pulau Cebu. Di samping itu juga misi utama mereka ialah mengembangkan agama Kristian. Mereka menunjukkan anti Islam kerana mereka telah bersumpah untuk melenyapkan Islam. Apabila Sepanyol menduduki Manila (T.M 1571), dari situ mereka mendapati agama Islam telah lama bertapak yang dikembangkan oleh orang-orang Brunei malah orang-orang Islam di Manila mempunyai hubungan yang kuat dengan Brunei dan mereka juga menghantar ufti kepada Brunei. Mereka berpendapat selagi Brunei mempunyai peranan yang kuat menjadi pusat Islam di rantau ini maka kuasa mereka akan terus terhalang. Maka dari sini Brunei telah dijadikan sasaran yang utama untuk dimusnahkan.

Faktor agama menyebabkan Perang Kastila dapat dibuktikan melalui surat yang dikirimkan oleh Dr. Francisco de Sande kepada Sultan Saiful Rijal. Kandungan surat itu berunsurkan keagamaan yang menyebabkan kemurkaan Sultan Saiful Rijal kerana kandungan surat itu telah menghina Islam. Selepas membaca surat itu, baginda terus mengoyaknya di hadapan utusan Sepanyol itu.

FAKTOR EKONOMI

Kita mengetahui tujuan utama kedatangan Sepanyol ke daerah timur adalah untuk mengembangkan agama Kristian, namun aspek ekonomi juga merupakan salah satu aspek penting. Kedatangan Sepanyol juga ingin menguasai perdagangan rempah yang sangat mempunyai nilai yang tinggi dalam ekonomi. Pihak Sepanyol telah menyekat dan melarang wilayah-wilayah yang diduduki mereka untuk membuat hubungan perdagangan dengan negara luar terutama Brunei. Dengan ini telah menimbulkan permusuhan dan menambah lagi ketegangan perhubungan yang

sedia wujud.

Ekonomi Brunei juga telah merosot disebabkan kehilangan sumber yang ada di Filipina seperti emas, perak dan mutiara. Kedua-dua buah negara saling mempertahankan hak mereka. Kedudukan Sepanyol di Manila mulai tergugat disebabkan saingan utama mereka iaitu Brunei kerana waktu itu Brunei merupakan pusat perdagangan di Gugusan Kepulauan Melayu dan didatangi oleh ramai pedagang dari China, Kemboja, Patani, Mindanao dan Aceh. Keadaan ini mendorong pihak Sepanyol untuk menyerang dan menguasai pusat pemerintahan Brunei.

FAKTOR POLITIK

Dari segi politik dapat dilihat pihak Sepanyol yang datang Kepulauan Filipina bak kata pepatah Melayu 'sambil menyelam minum air'. Selain mengembangkan agama Kristian, pihak Sepanyol juga merampas pulau-pulau di Filipina yang telah menjadi tanah jajahan Kesultanan Brunei. Bermula pada April 1565, Sepanyol menjajah Pulau Cebu. Kemudian pada tahun 1572, Sepanyol menjajah pulau-pulau lain seperti Leyte, Panay, Mindoro dan Dataran Tengah Luzon dan seterusnya berjaya menduduki Manila dan mengisytiharkannya sebagai pusat pemerintahan Sepanyol di timur pada 3 Jun 1571. Sebuah demi sebuah jajahan Brunei di Kepulauan Filipina jatuh ke tangan Sepanyol yang menimbulkan kemarahan Kerajaan Brunei. Walau bagaimanapun Brunei tidak sekali-kali berpeluk tubuh malah terus berusaha mengambil kembali tanah jajahan yang dirampas oleh Sepanyol dengan melancarkan beberapa serangan ke Manila. Namun angkatan Brunei menemui kegagalan. Kegagalan Brunei tidak melemahkan semangat malah mencari ikhtiar seperti memberangsangkan penduduk tempatan untuk menentang Sepanyol. Hal itu dapat dibuktikan melalui surat Francisco de Sande kepada Sultan Saiful Rijal:

"..... terdengar khabar-khabar angin bahawa tuanku cuba dan masih mencuba untuk membina nasakan kami dan cuba memerangi kami. Tuanku cuba memujuk dan menghasut penduduk-penduduk Luzon dan lain-lain penduduk untuk memberontak, membuat peperangan dengan menghantar beberapa buah kapal."

Oleh kerana ancaman dari Brunei selalu menggugat kedudukan Sepanyol, pihak Sepanyol telah melancarkan semangit serangan ke Brunei hingga terjadinya Perang Kastila.

FAKTOR PERSAINGAN KUASA DENGAN PORTUGIS

Permusuhan antara Sepanyol dengan Portugis telah wujud, apabila kuasa Portugis telah dapat menguasai perdagangan rempah di wilayah yang mempunyai potensi seperti di Kepulauan Moluccas, maka peluang Sepanyol untuk menguasai perdagangan rempah di Kepulauan Moluccas telah terbantut. Kebimbangan Sepanyol semakin ketara apabila Portugis membuat hubungan dengan Kerajaan Brunei. Selain itu Portugis juga menghulurkan bantuan ketenteraan kepada Brunei, seperti mana dalam serangan pada tahun 1566 dan 1567. Sudah tentunya angkatan Sepanyol menghadapi kesukaran untuk mempertahankan tanah yang diduduki mereka di Filipina. Sebelum angkatan Brunei bersiap sedia untuk melancarkan serangan terlebih dahulu angkatan Sepanyol melancarkan serangan sehingga tercetusnya Perang Kastila.

FAKTOR DALAMAN

Bermula dari perbalahan berlaku apabila Pengiran Bendahara Sakam merampas pengantin perempuan iaitu anak Pengiran Seri Lela semasa persandingan dilakukan. Perbuatan Pengiran Bendahara Sakam menimbulkan rasa tidak puas hati dan dendam Pengiran Seri Lela. Tambahan pula atas rayuan dan nasihat Pehin Orang Kaya Digadong, Pengiran Bendahara Sakam telah

dibebaskan. Akibatnya Pengiran Seri Lela telah belot dan pergi ke Manila untuk meminta bantuan Sepanyol untuk menggulingkan Sultan Brunei ketika itu dengan alasan bahawa beliau sendiri mempunyai hak menjadi raja.

Namun Robert Nicholl dalam tulisannya telah mentafsirkan pertemuan antara Pengiran Seri Lela dengan Dr. De Sande itu adalah mitos dan anggapan Pengiran Seri Lela mempunyai hak menjadi Sultan juga mitos. Beliau berpendapat tiada sumber Sepanyol mencatatkan peristiwa itu. Jika pun ada sudah tentunya pihak Sepanyol akan membuat laporan untuk digunakan sebagai alasan menyerang Sepanyol. Menurut Sanib Said pula, berkemungkinan Pengiran Seri Lela pergi berjumpa Dr. De Sande di Manila adalah wujud, berdasarkan perkahwinan Augustian de Legazpi dengan anak perempuan Pengiran Seri Lela di Manila. Selain itu pihak Sepanyol sangat mengenali Pengiran Seri Lela kerana selalu disebut namanya dalam laporan dan surat.

UFTI

Ufti juga merupakan alasan terjadinya Perang Kastila. Brunei pada mulanya meminta ufti dari tanah jajahannya telah mula disekat disebabkan anggota Sepanyol mengambil alih pengambilan ufti. Kebimbangan Sepanyol semakin ketara apabila orang Brunei dan sekutu-sekutu mereka iaitu Sulu, terus memaksa ufti daripada peribumi Mindoro dan Calamianes kerana ia merupakan suatu amalan yang sudah lazim dilakukan. Dari sini Sepanyol membuat keputusan untuk menghapuskan Brunei sebab ia merupakan suatu ancaman terhadap kedudukan mereka.

MEMBEBAHKAN ORANG TAWANAN

Ini terbukti kebimbangan Sepanyol melalui surat yang dikirimkan oleh Francisco de Sande bermaksud:

"..... supaya Duli Tuanku menghantar kembali seorang bangsa Sepanyol yang beragama Kristian iaitu Diego Felipe ... yang ada dalam tawanan Duli tuanku."

Dari sebab ini juga anggota Sepanyol menyerang Brunei kerana berkemungkinan de Sande takut jikalau pihak Brunei memaksa orang tawanan memberitahu mengenai orang-orang Sepanyol yang berada di Filipina. Dari sini orang-orang Brunei akan dapat mengetahui kedudukan anggota-anggota Sepanyol dan terus menyerang mereka. Disebabkan keengganan Sultan Brunei mengembalikan orang-orang tawanan maka anggota-anggota Sepanyol menyerang Brunei sebelum terlambat.

MERAMPAS HARTA BENDA

Salah satu sebab terjadinya Perang Kastila ialah untuk merampas harta benda yang ada di Brunei. Ini terbukti dalam surat de Sande mengatakan diharap mengembalikan semula harta benda kepunyaan anggota-anggota kerabat diraja lama di Manila. Disebabkan keengganan Sultan Brunei untuk mengembalikan harta benda tersebut, maka mereka pun menyerang Brunei. Ini dikuatkan lagi apabila mereka melancarkan serangan, de Sande dan pasukan Sepanyol mencero bohi masuk ke istana Sultan dan merampas harta barang-barang berharga.

PENGIRAN BENDAHARA SAKAM

Pengiran Bendahara Sakam adalah anak kepada Sultan Abdul Kahar ibnu Sultan Bolkiah melalui perkahwinan dengan isterinya anak Raja Bajau Sabah. Kegagahan Pengiran Bendahara Sakam adalah luar biasa dan hampir-hampir menyerupai seperti kegagahan Awang Semaun. Pengiran Bendahara Sakam adalah seorang yang keras hati dan mempunyai ketabahan jiwa, seorang pahlawan negara yang menyebabkannya dikasihi oleh ayahnya dan rakyat Brunei. Tambahan lagi beliau seorang yang sangat baik hati dan penyayang pada orang yang miskin lebih-lebih lagi rakyat yang teraniaya.

Keberanian dan kegagahannya yang disertai sifat bertanggungjawab telah menguatkan azam dan keyakinan para pengikutnya.

ADAKAH BENDAHARA SAKAM SEORANG PAHLAWAN KHAYALAN BRUNEI?

Sememangnya tidak, Pengiran Bendahara Sakam merupakan seorang pahlawan Brunei yang sangat gagah dan berani. Kepahlawanannya terbukti apabila kepimpinannya telah berjaya mengusir angkatan Sepanyol dari Brunei. Sultan Saiful Rijal telah mengurniakan gelaran baru kepadanya menjadi "Raja Bendahara" memandang kepada jasanya yang luar biasa untuk menyelamatkan Negeri Brunei.

Robert Nicholl berpendapat bahwa Pengiran Bendahara Sakam hanya sebagai legenda. Beliau mengakui tokoh Pengiran Bendahara Sakam itu wujud sebagai pahlawan Brunei tetapi bukan pada ketika Perang Kastila berlaku. Ini disebabkan tindakan Sepanyol meninggalkan Brunei adalah kerana wabak taun yang menjangkiti angkatan Sepanyol. Jadi dari sini peranan Pengiran Bendahara Sakam langsung tidak ada. Robert Nicholl menguatkan lagi pendapatnya dengan mengatakan bahawa sumber-sumber Sepanyol tidak ada menyebut nama Pengiran Bendahara Sakam dalam catatan-catatan mereka. Robert Nicholl juga tidak mempercayai bahawa angkatan Sepanyol telah diracun walaupun dalam sumber-sumber Sepanyol ada menyebutkan hal itu. Malah ia berpendapat penyakit yang dialami oleh angkatan Sepanyol ialah penyakit taun yang menyebabkan cirit-birit.

Namun pada realitinya memang betul askar-askar Brunei pada ketika itu sukar untuk menewaskan askar-askar Sepanyol yang mempunyai senjata. Jadi dari sini jelas penggunaan racun sebagai senjata peperangan adalah satu taktik bagi mengalahkan angkatan Sepanyol. Berkemungkinan taktik menggunakan racun ini adalah dari buah fikiran Pengiran Bendahara Sakam. Maka jelas terbukti kehandalan dan keberanian Bendahara Sakam amat digeruni oleh pihak Sepanyol. Dalam sumber Sepanyol sebenarnya ada menyebut nama Pengiran Bendahara Sakam sebagai 'Pengulian salam'. Sudah tentunya tokoh pahlawan Brunei iaitu Pengiran Bendahara Sakam bukanlah legenda atau mitos. Sepanyol yang meninggalkan Brunei juga bukan disebabkan penyakit taun yang mengakibatkan cirit birit akan tetapi kekalahan orang-orang Sepanyol adalah disebabkan kepimpinan Pengiran Bendahara Sakam.

KESIMPULAN

Sesungguhnya Perang Kastila telah banyak memberikan pengajaran yang berguna kepada kita. Oleh itu sewajarnya ia menjadi ristaan sejarah kepada kita. Perang Kastila mempunyai kesan-kesan terhadap Negeri Brunei itu sendiri sama ada baik dan buruk. Kesan baik yang dapat dilihat bagaimana orang-orang Brunei pada ketika itu bersatu padu untuk mempertahankan negara, raja dan agama. Kehandalan dan kepimpinan Pengiran Bendahara Sakam dalam menangani masalah perlu dijadikan ristaan kita.

Kesan buruk juga dapat dilihat sendiri bila mana orang-orang Brunei banyak yang mati syahid akibat pertempuran itu berlaku. Malah banyak barang-barang yang berharga telah diambil oleh angkatan Sepanyol yang sedikit sebanyak menjejaskan kemajuan Brunei. Selain itu juga peranan Pengiran Seri Lela dan orangnya yang menderhaka kepada raja telah menjatuhkan maruah anak bangsa. Namun pada hakikatnya siapa yang menderhaka kepada raja akan dibalas juga seperti apa yang berlaku kepada mereka.

Dari sebab-sebab yang diterangkan di atas tadi, mereka sebenarnya cemburu tentang kehebatan Brunei pada masa itu, disebabkan Brunei mempunyai pengaruh yang tinggi dan dihormati bahkan Brunei merupakan benteng pertahanan Islam memberikan kesan kepada orang-orang Barat untuk menakluki Brunei.

BIBLIOGRAFI

Low, H., 'Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Bruni', Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Jun 1880, h. 1-8.

Mohd. Raus, Hikayat Negeri Brunei, Brunei 1974.

Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Islam Di Brunei Darussalam, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

..... Peranan Para Sultan Dalam Perkembangan Islam Di Negara Brunei Darussalam", dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Brunei Di Nusantara, anjuran bersama Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, 13-17 November, 1994.

* Saunders, G. A History of Brunei, Kuala Lumpur, OUP, 1994 Chapter 1.

MARILAH kita terus mempertingkatkan takwa kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa-apa jua tegahan-Nya.

Islam adalah agama yang mencintai kedamaian, mencintai keamanan dan membenci permusuhan. Kerana itu Islam mencegah umatnya dari memulakan sebarang peperangan tanpa alasan yang kukuh seperti diperangi dan sebagainya. Kadang kala peperangan tidak dapat dihindarkan, kerana itu kita dapati setiap negara pasti mempunyai persiapan-persiapan tersendiri ke arah mempertahankan kedaulatan negaranya dari diceroobi dan dijajah seperti menyediakan tentera-tentera yang terlatih serta peralatan-peralatan yang canggih dalam bidang pertahanannya.

Negara kita tidak terkecuali ke arah usaha tersebut. Dan bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana kita dapat menikmati hidup ini dalam suasana yang aman damai dan merdeka di bawah naungan raja yang adil lagi bijaksana. Tapi ini tidak dapat membuatkan kita leka kerana berdasarkan pergolakan dunia sekarang yang tidak menentu, banyak kemungkinan-kemungkinan boleh terjadi disebabkan oleh kerakusan dan sifat tamak manusia.

Hari ini, 31 Mei merupakan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Diraikan setiap tahun bagi memperingati serta mengenang jasa pahlawan-pahlawan negara kita sama ada yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia. Bakti yang mereka sumbangkan tidak lain semata-mata untuk menjaga kedaulatan negara, keselamatan diraja, agama dan rakyat jelata.

Ketahuilah para pejuang negara, bahuwasanya tugas yang diamanahkan tersebut amat besar ganjarannya. Jika niat kita ikhlas dalam menjalankan tugas, bukan kerana pangkat dan harta,

Negara memerlukan rakyatnya berjiwa berani

TANAMKAN SEMANGAT PERWIRA KEPADA ANAK-ANAK

insya-Aallah kita akan mendapat ganjaran pahala yang amat besar dari Allah Subhanahu Wataala. Dan jika kita gugur ketika dalam menjalankan tugas, dalam perjuangan menentang musuh negara dan mempertahankan kesucian Islam, kita akan mendapat anugerah sebagai mati syahid. Beruntunglah kepada siapa yang terkorban pada jalan Allah, kerana ganjaran orang yang mati syahid amat besar. Antaranya dosa-dosa akan diampunkan sebaik saja titisan darah yang pertama mengalir dan mereka

juga akan ditempatkan dalam Syurga yang penuh kenikmatan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:-

"Barangsiapa berperang di jalan Allah selama orang yang memerah susu unta yakni walaupun sebentar, maka wajib baginya Syurga. Dan barangsiapa terluka di jalan Allah atau ditimpa kemalangan, maka datangnya pada Hari Kiamat sederas darah yang mengalir ketika luka, warna zapran dan bauannya bagaikan

wangian kasturi." Riwayat Abu Daud dan Tarmizi.

Muslimin yang berbahagia, sesungguhnya kejayaan dalam medan peperangan ataupun dalam mempertahankan negara, tidak hanya terletak kepada ramainya bilangan tentera serta kelengkapan peralatan yang canggih sahaja, tetapi turut memerlukan kekuatan dalaman iaitu kuat mental, jiwa dan rohani. Inilah sikap yang harus ada pada diri seseorang perajurit. Dengan adanya semangat yang kuat, kental dan berani, tidak takut

pada kekalahan dan mati, tidak gentar menghadapi musuh dan berputus asa, pasti dapat menjadikan mereka tentera yang dan berdisiplin.

Semangat perwira juga harus ada pada setiap orang, tidak semestinya hanya ada pada tentera, kerana negara memerlukan rakyatnya yang berjiwa berani mempertahankan negara.


SEMANGAT perwira juga harus ada pada setiap orang, tidak semestinya hanya ada pada tentera, kerana negara memerlukan rakyatnya yang berjiwa berani mempertahankan negara.

sebuah kemerdekaan dan keamanan. Diceritakan kisah pahlawan Islam yang gagah berani pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti Sayidina Abu Bakar As-Siddiq, Sayidina Omar ibni Al-Khattab, Sayidina Ali bin Abi Talib dan lain-lain tidak dilupakan ialah latihan fizikal supaya nantinya mereka dapat membesar menjadi pemuda yang cergas dan gagah. Kita tidak mahu jika diabaikan pendidikan rohani dan jasmani, mereka akan mudah berputus asa, tidak kuat untuk menghadapi kesukaran ketika dalam peperangan dan takut kepada kesakitan dan mati. menanamkan semangat cintakan kemerdekaan, cinta pada negara, agama dan bangsa, semoga dengan demikian akan tumbuh perasaan kasih dan rela berkorban. Tidak dilupakan, berdoalah kita

ke hadirat Allah Subhanahu Wataala semoga perwira-perwira negara yang terkorban dalam menjalankan tugas ataupun yang telah tiada sentiasa berada di bawah lindungan Allah Subhanahu Wataala yang Maha Pengasih lagi Maha menyayang. Amin ya rabbal A'lam.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 169 yang tafsirnya:-

"Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh yang gugur syahid pada jalan Allah itu mati, mereka tidak mati bahkan mereka adalah hidup secara istimewa di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki."



وقت سبهيغ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبهيغ، امساک، شوروق دان ضحی باکي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابر، 23 ربيع الاول، 1423 برسان 5 جون، 2002 هيگ کهارى ثلاث، 29 ربيع الاول، 1423 برسان 11 جون، 2002 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	سبهيغ
ربيع الاول									جون
23	12.20	3.45	6.30	7.46	4.33	4.43	6.06	6.31	5
24	12.20	3.45	6.30	7.46	4.33	4.43	6.06	6.31	6
25	12.20	3.45	6.31	7.46	4.33	4.43	6.06	6.32	7
26	12.20	3.45	6.31	7.47	4.33	4.43	6.06	6.32	8
27	12.20	3.45	6.31	7.47	4.33	4.43	6.06	6.32	9
28	12.21	3.46	6.32	7.47	4.33	4.43	6.07	6.32	10
29	12.21	3.46	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	11

وقت ۲ سبهيغ باکي دائره توتوغ ديمه ساتو مينيت دان دائره بلايت ديمه تیک مينيت، سبهيغ فرض جمعة دسلورو نکارا بروني دارالسلام مولاي دري فوکل 12.45 تھاري.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu
'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasahbihi
Waman Walah.

KELEBIHAN AZAN DAN IQAMAH

MELAKUKAN azan dan iqamah adalah lebih afdal daripada menjadi imam. Ini kerana azan dan iqamah itu adalah tanda atau alamat waktu sembahyang dan ianya juga lebih banyak manfaat daripada menjadi imam. Muazzin (tukang azan) itu juga merupakan pemegang amanah (amin). Manakala menjadi imam itu adalah penjamin (dhamin). Oleh yang demikian, amin itu lebih baik daripada dhamin. (Tahaf Ath-Thalibin: 1/383). Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

Maksudnya: "Imam-imam itu dhumana (menjamin sembahyang makmumnya) dan orang-orang yang azan itu unana (amanah atas waktu sembahyang) maka Allah memberi petunjuk kepada imam-imam dan mengampunkan orang-orang yang azan." (Hadis riwayat Ibnu Hibban).

Ada juga pendapat lain yang mengatakan bahawa menjadi imam itu lebih afdal daripada azan dan iqamah. Kerana dikhususkan bagi orang yang menjadi imam itu terdiri daripada orang yang berilmu tinggi. Demikian juga mendirikan sembahyang itu lebih afdal daripada menyerukannya. (Tahaf Ath-Thalibin: 1/384). Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya: "Maka azanlah untuk kamu oleh salah seorang di kalangan kamu, kemudian hendaklah yang mengimamkan kamu itu orang yang akhbar (berilmu) di kalangan kamu." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Walau bagaimanapun menurut Ibnu Hajar dan Imam An-Nawawi, bahawa azan berserta iqamah itu lebih afdal daripada menjadi imam. (Tahaf Ath-Thalibin: 1/384).

AZAN DAN IQAMAH: HUKUM DAN KELEBIHANNYA

Bilangan 136 Bahagian Kelima

Selain itu, banyak lagi disebutkan di dalam hadis mengenai kelebihan-kelebihan azan dan iqamah dan orang yang melaungkannya. Antaranya ialah:

i. Sehingga Orang Sanggup Berundi Untuk Mendapatkannya

Hadis daripada Abu Hurairah katanya:

Maksudnya: "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Seandainya manusia mengetahui tentang apa (kelebihan) dalam azan dan saf pertama, kemudian mereka tidak akan mendapatkannya melainkan dengan mereka berundi, nescaya mereka akan berundi. Seandainya mereka mengetahui apa (kelebihan) pada at-tahjir (sembahyang Zuhur di awal waktu) nescaya mereka akan berlumba-lumba mendapatkannya. Seandainya mereka mengetahui apa (kelebihan) pada al-'atamah (sembahyang Isyak) dan Subuh nescaya mereka mendatangnya walaupun dengan merangkak-rangkak." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

ii. Dipohonkan Ampun Dan Mendapat Pahala Sepertimana Pahala Orang Yang Bersembahyang Dengannya

Hadis daripada Al-Bara' bin 'Azib katanya:

Maksudnya: "Bahawasanya Nabi Allah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya mengucapkan selawat kepada (makmum-makmum) di baris hadapan. Sementara orang yang azan akan dipohonkan ampun baginya sejauh suaranya dan akan diperaksakan dia oleh sesiapa yang mendengarnya daripada tumbuhan yang hidup dan kering dan baginya pahala seperti pahala sesiapa yang bersembahyang

bersamanya." (Hadis riwayat Ahmad dan An-Nasa'ie).

iii. Mengusir Syaitan

Hadis daripada Abu Hurairah katanya:

Maksudnya: "Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Apabila dilaungkan azan untuk sembahyang, syaitan akan menjauhkan dirinya sambil terkentut-kentut (kerana lari sekut-kuatnya) sehinggalah tidak terdengar lagi azan. Jika selesai azan itu, syaitan akan kembali lagi sehinggalah iqamah untuk sembahyang diserukan dia akan menjauhkan diri. Sehinggalah selesai iqamah itu baharulah dia kembali lagi sehingga dia melintasi antara seseorang itu dengan dirinya (mengwas-waskan). Dia akan berkata: Ingatlah begini-begini, ingatlah begini-begini terhadap sesuatu yang tidak sewajarnya diingati, sehinggalah lelaki itu tidak mengetahui berapa rakaat dia bersembahyang." (Hadis riwayat Al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan An-Nasa'ie).

iv. Mendapat Pahala Yang Banyak

Sebagaimana di dalam hadis daripada Mu'awiyah katanya. Maksudnya: "Aku pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Muazzin-muazzin itu ialah orang yang paling panjang lehernya di Hari Kiamat." (Hadis riwayat Muslim).

Adapun yang dimaksudkan dengan orang yang paling panjang lehernya di Hari Kiamat itu ialah disebabkan dia melihat pahalanya yang banyak.

Menurut An-Nadhr bin Syumail, adapun kelebihanannya ketika berada di Padang Mahsyar melepaskannya daripada kesesakan dan kesesakan disebabkan ramainya orang pada hari perhitungan itu.

Menurut pendapat yang lain, bahawa orang itu banyak pengikutnya. Kata Ibnu

Al-A'arabi, maksudnya ialah orang yang banyak amalannya. Sementara menurut Al-Qadhi 'Iyadh dan yang lainnya ialah bermaksud orang yang cepat masuk ke dalam Syurga. Dikatakan juga ianya bermaksud sebagai ketua. (Syarah Shahih Muslim: 2/77).

v. Balasan Syurga

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya: "Barangsiapa azan selama dua belas tahun wajibah baginya Syurga dan ditulis untuknya dengan azannya itu pada setiap hari enam puluh kebajikan dan pada setiap iqamah pula tiga puluh kebajikan." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

vi. Jin Dan Manusia Serta Lainnya Menjadi Saksi Di Hari Kiamat

Sebagaimana hadis daripada 'Abdullah bin 'Abdurrahman katanya:

Maksudnya: "Sesungguhnya Abu Sa'id Al-Khudriy Radiallahu Anhu berkata kepadanya ('Abdullah bin 'Abdurrahman): Sesungguhnya aku melihat engkau menyukai kambing dan sahara. Jika engkau berada di lingkungan kambing atau saharamu lalu engkau azan untuk sembahyang, maka tinggikanlah suaramu ketika melaungkannya. Kerana tidak didengar suara orang yang azan oleh jin dan manusia serta lain-lainnya melainkan menjadi saksi baginya di Hari Kiamat. Berkata Abu Sa'id: Aku mendengarnya daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan An-Nasa'ie).

vii. Pintu Langit Dibuka Dan Saat Doa Mustajab

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

Maksudnya: "Jika dilaungkan iqamah untuk sembahyang, maka dibukakan pintu-pintu langit dan dimakbulkan doa." (Hadis riwayat Ahmad).

Sabda Baginda lagi:

Maksudnya: "Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Ada dua waktu tidak ditolak doa orang yang berdoa, iaitu ketika iqamah sembahyang dan dalam barisan jihad pada jalan Allah." (Hadis riwayat Ibnu Hibban).

Bersambung

Cawangan 'C' juara Dikir Syarafil Anam

Oleh
Samle HJ

GADONG, 17 Mei. - Cawangan 'C' Pasukan Polis Diraja Brunei yang

berjaya mengutip 177.5 peratus dipilih sebagai pasukan terbaik dalam Pertandingan Dikir Syarafil Anam Antara Cawangan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kemenangan cawangan itu dirai apabila kemenangan Pasukan Dikir Wanita berjaya di tempat pertama, sementara pasukan lelaki cawangan itu di tempat kedua.

Bahagian lelaki, Cawangan A mengekalkan kejuaraan tahun lepas apabila mengutip 89.5 peratus mengalahkan Cawangan C dan Cawangan E yang masing-masing di tempat kedua dan ketiga.

Bagaimanapun Pasukan Dikir Cawangan C yang membawa lagu Bi Sahrin juga berjaya mengulangi kejuaraan musim lepas dengan 88 peratus berbanding 84 peratus dikutip oleh pasukan dari Cawangan D dan 82.5 peratus diperolehi oleh Pasukan Cawangan E

untuk di tempat ketiga.

Sebanyak 10 pasukan termasuk lima pasukan wanita mewakili lima cawangan pasukan polis memperdengarkan lagu-lagu Dikir Badat, Khairuman, Alham dan Bi Sahrin di Dewan Stadium Hassanah Bolkiah, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei.

Tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Haji Abdul Rahman dan isteri, Pengiran Datin Hajah Sarifah menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang.

Pertandingan tahunan itu diserikan lagi dengan persembahan nasyid oleh saudara-saudara baru Pasukan Polis Diraja Brunei.



PESURUHJAYA Polis Dato Paduka Seri Haji Abdul Rahman menyampaikan piala kemenangan kepada Pasukan Cawangan 'C' Polis Diraja Brunei yang menjuarai Pertandingan Dikir Syarafil Anam. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PENGIRAN Datin Hajah Sarifah, isteri Pesuruhjaya Polis menyampaikan hadiah kepada pemenang pasukan wanita (atas). Sementara gambar kiri, Cawangan Pasukan 'C' gembira bersama piala dan hadiah kemenangan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PENGARAH Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Zaidi ketika memeriksa perbarisan pasukan bomba di Pertandingan Kawad Skwad Antara Cawangan Balai Bomba. Pertandingan berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Berakas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kementerian Pendidikan komited terhadap pembangunan ICT

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Mei. - Kementerian Pendidikan mempunyai komitmen ke arah menyokong pembangunan teknologi komunikasi dan maklumat dalam semua program sekolah di negara ini selain akan melaksanakan sukatan pelajaran sains rendah atas mulai tahun depan.

Selain dari itu, salah satu usaha Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum ialah untuk meninjau kurikulum matematik dan sains di sekolah rendah dan menengah bawah bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan matematik serta sains di negara ini.

Perkara itu dinyatakan

Oleh
Awangku Jefferi PD

oleh Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Dr. Hisham bin Haji Md. Sum di Majlis Pembukaan Persidangan Tahunan Antara-bangsa Ke-7 Dalam Pendidikan Realiti Sains, Matematik dan Teknikal yang berlangsung di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Dalam ucapannya, beliau melahirkan rasa gembira dengan pencapaian sistem pendidikan sekolah rendah, menengah, teknikal, vokasional dan UBD dalam tempoh yang singkat.

"Tenaga pengajar di

Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkiah memainkan peranan yang penting dalam memastikan guru-guru dapat mengambil manfaat dalam perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat," tambah beliau.

Persidangan itu juga bertujuan untuk menyatukan pakar dan penyelidikan akademik dalam membuat pendekatan pembaharuan terhadap mata pelajaran sains, matematik dan teknikal selain mengadakan forum mengenai strategi pengajaran sains, matematik dan teknikal mengikut konteks Negara Brunei Darussalam, di samping UBD sebagai pusat institusi terpenting dalam dunia pembelajaran.



PENGARAH Kenaziran Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Dr. Hisham bin Haji Md. Sum. - Gambar oleh Halim HS.

Umat Islam perlu nilai diri sendiri

BERAKAS, 18 Mei. - Pegawai Pusat Da'wah Islamiyah, Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah menyatakan bahawa umat Islam perlu menilai diri mereka dalam melaksanakan sunnah Nabi terutama perkara fardu dan sunat.

Katanya, dengan banyak melakukan perkara fardu dan sunat seperti membaca Al-Quran akan mendekatkan diri mereka kepada Allah serta meningkatkan keimanan mereka.

Beliau berucap demikian semasa menyampaikan ceramah bertajuk

Oleh Aliddin HM

Maulidur Rasul bagi Jabatan Perkhidmatan Pos yang diadakan di Pusat Memproses Mel dan Bungkus di sini.

Majlis berkenaan bagi menyambut bulan Maulid diselenggarakan dengan penyampaian derma suka duka kepada para pegawai dan kakitangan jabatan itu serta majlis tahlil bagi Allahyarham Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Metassan dan Allahyarhamah Dayang Hajah Noridah binti Haji Abd. Razak, ayah dan ibu kepada Dayangku Hajah Aisah

binti Pengiran Haji Ahmad. Ceramah agama itu merupakan projek bulanan jabatan berkenaan bermula pada hari tersebut dan akan diteruskan setiap bulan yang dikendalikan oleh kegiatan bahagian agama.



PEGAWAI Pusat Da'wah Islamiyah, Drs. Haji Ismuhadi ketika menyampaikan ceramah Maulidur Rasul di Jabatan Perkhidmatan Pos, Berakas. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Kawad bentuk disiplin pasukan beruniform

BERAKAS, 16 Mei. - Komandan Pusat Latihan Perkhidmatan Bomba, Pengiran Abu Bakar menjelaskan kawad skuad merupakan aktiviti wajib bagi agensi-agensi berpakaian seragam yang mempunyai akta berdisiplin.

Sebagai anggota beruniform, ciri utama dalam pembentukan disiplin itu diasaskan melalui skuad atau kawad kaki, Pengiran Abu Bakar menjelaskan perkara tersebut di Pertandingan Kawad Skwad Antara Cawangan Balai Bomba Seluruh Daerah Kali Pertama Tahun 2002 yang berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan, Jabatan Perkhidmatan Bomba di sini.

Selaku Penaung pertandingan, beliau menekankan penentuan tahap nilai disiplin


Oleh Haji Ahmad HS

dalam sebuah organisasi itu ditentukan sejauh mana anggotanya melakukan pergerakan yang sama melalui satu hukuman serta fahaman dan penghayatan tinggi dalam berkawad.

Dalam pertandingan yang baru diperkenalkan itu Pasukan Cawangan Pancaragam Perkhidmatan Bomba telah muncul sebagai johan, kedua dan ketiga dimenangi Cawangan Operasi B dan Cawangan Operasi C Penyelamat.

Sementara ASO Jamaluddin bin Ahmad daripada Cawangan Pancaragam Perkhidmatan Bomba telah dipilih sebagai ketua perbarisan terbaik.

Pengarah Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Zaidi telah hadir menyaksikan pertandingan itu dan menyampaikan hadiah yang menang.



MAJLIS Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Dikir Maulud

Oleh Bolhassan HB

Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di sini.

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Mei. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1423 Hijrah beberapa aktiviti bercorak keagamaan dianjurkan oleh pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan dengan itu Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam yang disertai oleh lebih 90 buah pasukan dikir termasuk 28 buah pasukan dikir wanita telah dilangsungkan di

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin dan isteri, Datin Hajah Fatimah.

Dikir Syarafil Anam yang dipersembahkan oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian ialah Assalamualaika, Khairuman, Bisyrain, Alhamdulillah, Badat Lana dan Asyraqal.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

Kewangan turut terjejas

ISU merokok merupakan satu masalah yang serius dan membimbangkan masyarakat kita, lebih-lebih lagi meningkatkan jumlah perokok di kalangan remaja. Tabiat merokok sering kali dikaitkan dengan golongan lelaki sama ada kanak-kanak, remaja mahupun orang dewasa termasuk golongan orang tua. Ini terbukti berdasarkan hasil daripada kajian yang dijalankan di mana satu pertiga dari lelaki dewasa di Negara Brunei Darussalam adalah perokok dan 12 peratus daripadanya adalah terdiri dari golongan remaja yang berumur di antara 11 hingga 19 tahun.

Tabiat merokok sememangnya merugikan, lebih-lebih lagi kepada si perokok itu sendiri. Yang dimaksudkan dengan rugi di sini adalah kerana si perokok terpaksa membelanjakan wang lebih kurang \$3.00 untuk membeli sekotak rokok dalam sehari, dan jika dijumlahkan dalam sebulan, ia telah membelanjakan \$90.00 untuk membeli rokok sahaja. Cuba awda bayangkan, jika seseorang itu hanya mempunyai pendapatan \$800.00 sebulan, ini belum lagi termasuk untuk belanja membeli barang-barang 'dapur', belanja anak-anak sekolah, membayar bil elektrik, bil

air dan sebagainya. Sudah pasti akan mengalami masalah kewangan.

Tabiat merokok juga boleh mendatangkan kesan buruk kepada si perokok itu sendiri. Jika dilihat secara fizikal dan psikologi, adalah amat sukar bagi mereka yang merokok untuk berhenti daripada tabiat merokok. Ini adalah kerana sekali mereka merokok, mereka akan menjadi ketagih. Dan bagi yang merokok tidak akan pernah menga-kui bahawa mereka mempunyai masalah ketagihan merokok ini adalah kerana pada masa itu mereka tidak menghidap sebarang penyakit yang berhubung den-

gan merokok. Kesan dan akibat daripada tabiat merokok yang jelas terbukti dan diketahui boleh menyebabkan seseorang itu menghidap penyakit kanser, penyakit jantung, strok dan ampus, masalah penyakit paru-paru dan sebagainya. Sebagai bukti menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menganggarkan lebih empat juta orang telah meninggal dunia akibat tembakau setiap tahun di seluruh dunia.

Selain daripada itu, kesan daripada tabiat merokok juga boleh mengakibatkan kurang kecergasan fizikal,

nafas yang kurang menyeronokkan dan menurut kajian terbaru, merokok boleh meningkatkan risiko kehamilan bagi kaum wanita dan 'mati pucuk' bagi kaum lelaki. Kesan-kesan buruk yang dinyatakan tadi jelas membuktikan bahawa seseorang itu mengalami kerugian dari segi kesihatan kerana telah menjejaskan kesihatan dan hidup dalam keadaan tidak sihat dan sempurna. Bagi yang kuat merokok, secara tidak langsung juga boleh mendatangkan kemudaratan kepada orang-orang yang ada di sekelilingnya sama ada pada isteri, anak-anak atau

kepada sesiapa saja, ini adalah kerana asap rokok yang dihidu oleh mereka ini juga boleh mengakibatkan akan mengalami penyakit seperti yang disebutkan awal tadi.

Rokok dianggap musuh yang perlu diperangi oleh semua pihak. Pelbagai langkah telah dibuat untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap ancaman daripada ketagihan merokok seperti mengadakan kempen-kempen, forum-forum, ceramah-ceramah, posser-poster, menedarkan risalah-risalah dan sebagainya. Sebagai

contoh Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihat akan diadakan pada 11 Julai 2002 dan Klinik-klinik Berhenti Merokok juga akan diadakan bagi membantu orang-orang yang hendak berhenti merokok. Tidakkah awda merasa pihak kerajaan mengalami kerugian dengan mengeluarkan 'budget' untuk semua yang telah disebutkan di atas tadi?

Norhayati binti Haji Jumaat,
No. 41 Simpang 1244,
Kg. Tanjung Bunut,
BF 2920.
No. k/p: 266890.

Merokok berisiko tinggi serangan jantung

APABILA difikirkan semula, kesihatan yang baik lebih mahal harganya dari nilai harta benda dan wang ringgit. Apakah gunanya harta yang banyak jika hidup dalam keadaan sakit dan menderita. Ramai di antara kita yang tahu akan bahaya merokok tetapi berapa ramai yang berhenti dari menghisapnya? Dari data yang diperolehi dari Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa lima penyebab utama kematian di Negara Brunei Darussalam ialah kanser, penyakit jantung, penyakit serebrovaskular, kencing manis dan bronkitis, emfisema dan asma. Penyakit-penyakit tersebut mempunyai faktor-faktor yang serupa iaitu merokok, kurang kegiatan fizikal, makanan yang berlemak, stres dan kegemukan.

Apa yang perlu anda ketahui ialah kesan tiga bulan utama yang terdapat di alam rokok iaitu tar, karbon monoksida dan nikotin yang mana mampu mengancam kesihatan dan kesannya kepada hidup dan kehidupan, termasuk nyawa. Setelah dianalisa, terdapat lebih 4,000 kimia terkandung dalam asap rokok di mana majoritinya adalah toksik. Apabila karbon monoksida bergabung dengan sel darah merah (haemoglobin), carboxyhaemoglobin akan terbentuk dan menyebabkan kuantiti oksigen di dalam darah berkurangan dan mengakibatkan penyerapan oksigen kepada jantung berkurangan. Nikotin pula akan

menghalang pengaliran darah ke kawasan yang jauh dan mengakibatkan degupan jantung menjadi pantas dan tekanan darah tinggi.

Kajian telah menunjukkan bahawa mereka yang merokok mempunyai risiko tinggi menghidap serangan penyakit jantung dan 10 kali ganda berkemungkinan besar menghidap kanser dari mereka yang tidak merokok. Lebih dari 85 peratus dari kes kanser adalah berpunca dari menyedut bahan kimia carcinogenic (bahan yang menyebabkan kanser) yang selalu terdapat pada asap rokok (Reardon & Theodore, 1997). Bagi mereka yang tidak merokok tetapi selalu menghidu asap rokok, mereka juga berisiko lebih tinggi dari mereka yang merokok. Beberapa kajian juga menunjukkan wanita yang mempunyai tabiat merokok sejak dari usia muda, boleh menghidap barah paru-paru dan barah payudara. Bagi ibu-ibu mengandung yang mengamalkan tabiat merokok boleh menjejaskan kesihatan anak damit yang dikandung dan berkemungkinan akan berlakunya keguguran, kelahiran sebelum waktunya (premature), malah kematian.

Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati. Kerana, tanda-tanda timbulnya penyakit kanser, emfisema dan lainnya hanya akan kelihatan setelah 20 tahun kemudian. Kita merasa amat bersyukur di atas pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah

menyediakan perkhidmatan perubatan secara percuma dan kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah merokok antaranya telah mengharuskan merokok di bangunan-bangunan dan pejabat kerajaan, sekolah dan institusi pengajian di negara kita, di samping mengadakan pameran dari masa ke semasa.

Bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia (WHO) yang diadakan pada 7 April yang lalu, tema yang dipilih 'Move For Health' - 'Bergerak Untuk Kesihatan' amat bersesuaian di mana penerangan yang khusus diberikan terhadap kegiatan fizikal yang mampu mengubah hidup dengan gaya lebih sihat dan sempurna tanpa asap rokok. Dan buat julung kalinya negara kita telah mengadakan Seminar dan Pameran Antarabangsa Mengenai Tembakau dan Kesihatan yang bertema 'Tobacco or Health - A New Hope'. Seminar dan pameran tersebut adalah bagi menyahut titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai tabiat dan kesan buruk tembakau khususnya kepada para pelajar dan remaja amnya dari perspektif Islam, ekonomi, perubatan dan kesihatan. Semoga pembaca bijak memilih gaya hidup yang sihat atau yang sebaliknya.

Yusnani binti Zolkefli,
No. 48, Simpang 43-38,
STKRJ Lorong 3
Selatan, KB 1533.
No. k/p: 297028

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu "Tabiat Merokok Merugikan. Bincangkan". Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Tabiat merokok merugikan

MEMPERKATAKAN tentang perkataan merokok, ia tidak asing lagi bagi kita untuk mengetahuinya dan mengenalinya. Merokok merupakan fenomena yang lazim didapati di mana-mana negara sama ada negara itu sebagai sebuah negara yang sedang membangun mahupun negara yang telah membangun. Di Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripadanya. Gejala merokok di negara ini semakin bertambah dan berleluasa serta sudah menjadi suatu tabiat yang sengaja dilakukan sama ada baik golongan remaja, belia dan orang tua.

Kalau dilihat dari segi ekonomi, perbelanjaan membeli rokok sudah setentunya mengeluarkan wang yang banyak. Ini sudah setentunya membazir. Dapatlah difikirkan secara kritis, dari membeli sekotak rokok pada setiap hari yang dikatakan merugikan adalah lebih baik membeli barang-barang makan atau benda-benda yang membawa kemanfaatan.

Kalau dilihat dari segi kesihatan pula, menurut daripada beberapa ahli-ahli pakar sains mengatakan bahawa merokok itu sudah setentunya membahayakan kesihatan tubuh badan. Ini kerana banyak penyakit-penyakit yang timbul disebabkan oleh merokok seperti penyakit jantung, kanser atau barah paru-paru, kanser pankreas, bronkitis termasuk emfisema dan asma yang akhirnya mengakibatkan kematian. Tabiat merokok juga boleh mengurangkan jangka hayat seseorang sebanyak empat tahun. Begitu juga jika seseorang itu merokok lebih daripada 40 batang sehari. Hayatnya dijangka akan berkurangan sebanyak tujuh tahun.

Selain daripada perokok itu mendapat penyakit, orang yang tidak merokok juga mendapat kesan penyakit setelah sering berada di persekitaran orang yang merokok atau hidup dalam keluarga yang perokok. Ini kerana asap yang berkepul keluar hasil daripada perokok itu mengandungi bahan kimia dan gas beracun yang memberi padah dan kesan sampingan kepada orang di sekitarnya. Seperti penyakit asma, batuk, sakit jantung, kanser atau barah dan sebagainya.

Bagi wanita hamil pula tabiat merokok akan membahayakan

kesihatan dan keselamatan anak damit yang dikandung. Racun tembakau daripada asap rokok akan meresap ke dalam uri peranakan. Kandungan anak damit akan kekurangan oksigen dan zat di dalam darah. Hal ini akan menyebabkan kecacatan fizikal dan mental atau kematian. Di samping itu juga ibu-ibu yang mengandung yang merokok boleh mengalami keguguran dan kelahiran anak damit yang tidak cukup bulan. Manakala anak damit yang dilahirkan pula akan menghadapi pelbagai risiko penyakit akibat kurang daya ketahanan badan dari penyakit.

Walaupun sering kali dilayangkan di media-media massa seperti di kaca-kaca televisyen, radio, di dada-dada akhbar, poster-poster dan sebagainya bahawa merokok itu membahayakan kesihatan, namun masih ramai yang sengaja tidak memedulikan akan tegahan dan larangan tersebut malah meneruskan amalan yang membawa kemudaratan kesihatan.

Kesan merokok terhadap ekonomi dan kesihatan tidaklah boleh dipertikaikan lagi. Tabiat merokok boleh menghabiskan wang dan boleh menimbulkan pelbagai jenis penyakit. Tabiat merokok itu sangatlah merugikan terutama bagi mereka yang gemar merokok.

Zulhili bin Haji Jaidin,
No. 21, Jalan 64, Lot 1433, Kampong Perpindahan
Lambak Kanan, BC 3115.
No. k/p: 265513.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Amalkan Pemakanan Sihat dan Seimbang. Bincangkan.' Tarikh tutup 8 Jun 2002.
2. 'Penyalahgunaan Dadah - Tangani Secara Bijaksana. Bincangkan.' Tarikh tutup 15 Jun 2002.
3. 'Perpaduan dan Keamanan Pemangkin Pembangunan Negara.' Tarikh tutup 22 Jun 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

Rencana ...

INDUSTRI penanaman padi di Negara Brunei Darussalam masih lagi sebagai kegiatan tradisi yang diusahakan secara kecil-kecilan bagi menampung keperluan hidup petani itu sendiri dan dikomersilkan dalam negeri sahaja.

Walaupun pengeluaran padi di negara ini masih lagi di tahap yang agak rendah iaitu satu peratus tetapi ianya menjadi kebanggaan kerana kesemua petani di negara ini terdiri daripada rakyat tempatan yang telah mengusahakan sawah mereka secara turun-temurun.

Keupayaan pengeluaran bagi sehektar sawah cuma 1.16 tan metrik berbanding jumlah keperluan negara lebih kurang 30,000 tan metrik beras setahun dan ini menjadikan keperluan penggunaan beras bagi negara ini sebanyak 73 kilogram per kapita.

Kita tidak dapat menafikan bahawa negara kita masih belum lagi berupaya menghasilkan pengeluaran berasnya sendiri untuk keperluan rakyat dan penduduk secara keseluruhannya yang masih bergantung kepada pengimportan beras daripada luar negara. Namun ketidakupayaan itu tidak harus kita pandang remeh kerana kemungkinan besar suatu masa nanti negara kita mampu mengeluarkan hasil berasnya sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada luar negara.

Perkara tersebut hanya akan dapat dicapai bergantung kepada usaha dan kerjasama yang padu di antara pihak kerajaan dan para petani itu sendiri kerana tanpa adanya sikap sedemikian itu segala yang dirancang tidak akan membuahkan hasil yang lumayan, tidak leper datang melayang tidak bulat datang mengolek.

Sejak tiga tahun belakangan ini hasil tahunan pengeluaran padi pada keseluruhannya telah meningkat. Dalam tahun 1999, hasil pengeluaran di kawasan 381.325 hektar negara ini sebanyak 306.4 tan metrik padi.

Hasil tersebut terus meningkat kepada 459.6 tan metrik pada tahun 2000 di sawah seluas 463.48 hektar, manakala pada tahun lepas jumlah tersebut meningkat lagi kepada 538.5 tan metrik di sawah seluas 491.42 hektar.

Bagi mencapai hasrat meningkatkan pengeluaran padi setiap tahun, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil beberapa langkah yang perlu untuk dimanfaatkan.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 umpamanya, pihak kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$2.395 juta dalam Rancangan Kemajuan Industri Pengeluaran Padi yang telah pun diluluskan bagi membantu para petani melalui skim subsidi dan peningkatan sawah mereka.

Dengan berkat usaha gigih serta kerjasama yang padu dan komitmen daripada semua petani, insya-Allah sasaran pengeluaran

Rencana dan Gambar-gambar
Oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

KE ARAH MENINGKATKAN HASIL TANAMAN PADI NEGARA

padi akan dapat dipertingkatkan daripada satu peratus kepada tiga hingga lima peratus dalam jangka masa lima tahun akan datang.

Melalui RKN tersebut juga, Jabatan Pertanian telah membuat beberapa program bagi meningkatkan hasil pengeluaran tempatan dengan cara mempertingkatkan dan memperbaiki infrastruktur sawah, mengetengahkan amalan agronomi dan perlindungan tanaman yang lebih baik, menggunakan benih padi yang berkualiti dan menyediakan infrastruktur pemasaran yang lebih efisien.

Dalam usaha ke arah memajukan tanaman padi, jabatan berkenaan telah merancang beberapa aktiviti penggalak seperti Pesta Menuai Padi sebagai acara tahunan yang di-

adakan secara bergilir-gilir di keempat-empat buah daerah.

Tahun lepas, pesta seumpama itu telah diadakan di Kampong Perdayan, Daerah Temburong, manakala pada bulan Mac lepas, pesta tersebut telah diadakan di Lot Sengkuang, Mukim Labi di Daerah Belait.

Lot Sengkuang mempunyai keluasan sawah padi 41.50 hektar yang diusahakan oleh 30 orang petani dengan pengeluaran hasilnya pada tahun lepas sekitar 56,672 kilogram, manakala hasil padi di Mukim Labi sebanyak 105.35 tan metrik.

Antara jenis padi yang ditanam di lot tersebut padi pusu, padi di subuk, padi indai abang dan padi berio putih yang kesemuanya disyorkan oleh Jabatan Pertanian bagi skim bantuan

dan harga subsidi kerajaan bagi setiap sekilo gram padi berkenaan \$1.60.

Pesta Menuai Padi yang diadakan itu antara lain bertujuan bagi memupuk budaya kerjasama dan mengeratkan lagi silaturahim diantara pihak kerajaan dengan para petani, menjadikan acara tersebut sebagai kegiatan riadah bagi jabatan berkenaan.

Selain itu pesta tersebut juga bagi memberikan kesedaran mengenai susah payahnya bertanam padi, menunjukkan keprihatinan pihak kerajaan kepada petani-petani tempatan dan menjadikan kawasan tersebut sebagai tempat atau tarikan pelancong.

Pesta berkenaan dimeiakan lagi dengan pelbagai acara seperti pertandingan menuai, penghakiman ladang terbaik dan hasil terbaik, pertunjukan tradisi aktiviti menuai padi termasuk mendadih, mengelupis dan mengamping, persembahan muzik dan tarian tradisi dan gerai jualan yang menempatkan hasil pertanian, masak-masakan dan hasil kraf tangan.

Acara kemuncak di pesta itu, pengistiharan pengeluar padi terbaik seluruh Daerah Belait. Pemilihan dibuat berasaskan hasil yang diperolehi, keterbukaan, inisiatif, komitmen dan langkah proaktif petani berkenaan.

Pesta Menuai Padi bukan sahaja disertai oleh petani dan penduduk yang

tinggal di kawasan sekitar itu tetapi juga pegawai dan kakitangan kerajaan, pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD), pelajar sekolah dan pihak swasta.

Cara tradisional menghasilkan beras perlu melalui beberapa proses dengan teratur seperti mengetam, mengirik (untuk memisahkan hampas padi dengan cara memijak padi tersebut), menjemur padi hingga kering, menampi, mengisar dan menumbuk padi menggunakan lesung padi.

Di samping aktiviti-aktiviti penggalak, jabatan tersebut juga telah meneliti dan menilai akan perkembangan sosioekonomi para petani terutama yang bergiat di kawasan pedalaman. Matlamat yang ingin dituju ialah usaha untuk mempelbagaikan fungsi tanaman padi di negara ini.

Bagi mempelbagaikan fungsi tanaman padi, ianya merangkumi lima sudut fungsi utama yang berhubung rapat dengan kegiatan-kegiatan tanaman padi sama ada secara bersepadu atau sebagainya iaitu fungsi alam persekitaran, ekonomi, kultura, sosial dan keselamatan makanan.

Kesesuaian menyerapkan fungsi-fungsi tersebut tertakluk kepada aktiviti yang dilaksanakan dan lebih mantap lagi jika aktiviti yang dilaksanakan itu menjurus kepada operasi pertanian yang berterusan atau berkekalan bagi men-



INSYA-ALLAH dengan usaha dan kerjasama padu serta komitmen daripada semua petani, sasaran pengeluaran padi akan dapat dipertingkatkan daripada satu peratus kepada tiga hingga lima peratus dalam jangka masa lima tahun akan datang.



CARA tradisional menghasilkan beras melalui beberapa proses seperti menumbuk padi, untuk dijadikan ampung.

capai teraju kejayaan dalam penanaman padi di negara ini.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa tanaman padi pada zaman dahulu dan sekarang ini masih dapat bertahan, apatah lagi nasi adalah makanan asasi penduduk di Asia dan disedari juga bahawa keupayaan variti yang dapat memberikan hasil tinggi semakin berkurangan. Perkara tersebut menjadi cabaran hebat kepada ahli-ahli saintis dan pengkaji-pengkaji padi di seluruh dunia.

Menyedari akan hakikat itu, Jabatan Pertanian telah dapat mengenal pasti bahawa tanaman kontan selepas padi sesuai dilakukan di kawasan sawah di negara ini misalnya di Kawasan Selapon, Lekiu dan Perdayan, Daerah Temburong serta Lot Sengkuang dan Melayan di Merangking, Daerah Belait.

Faedah yang dapat dimanfaatkan daripada tanaman kontan itu antaranya penggunaan kawasan dengan sepenuhnya, meningkatkan struktur tanah dengan baik, mengurangkan penggunaan racun rumpai, meningkatkan taraf ekonomi petani dan penggunaan tenaga kerja dengan sepenuhnya.

Beberapa jenis tanaman kontan yang sesuai antaranya jagung manis, kacang tanah, kacang soya, kangkung, lada dan kacang bendi tetapi pilihan tanaman kontan itu hendaklah diambil kira mengikut kehendak pengguna atau pemasarannya.

Selain faedah tanaman kontan, Jabatan Pertanian juga membuat pemerhatian terhadap kaedah tanaman padi bersepadu yang banyak memberikan manfaat kepada petani antaranya petani mendapat hasil sawah yang berterusan.

Tanaman padi bersepadu ialah bertanam tanaman lain atau menternak haiwan seperti ikan semusim dengan tanaman padi. Adapun jenis tanaman yang sesuai seperti pisang dan betik, manakala haiwan pula seperti itik dan ikan yang ditenak dalam petak padi.

Dari itu permuafakatan dan sikap saling bantu-membantu sesama petani serta kerjasama daripada pihak kerajaan sangat penting bagi mencapai ke arah yang dihasratkan itu. 'Kata Sepakat Membawa Berkat' barulah setiap usaha yang dilakukan akan terlaksana dengan jayanya.



LOT Sengkuang, Mukim Labi yang mempunyai keluasan 41.50 hektar telah berjaya menghasilkan tanaman padi sebanyak 56,672 kilogram tahun lepas.

Perhimpunan dan Perarakan Maulud di Daerah Temburong

Kukuhkan akidah dengan penuh iltizam

TEMBURONG, 25 Mei. - Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Md. Yussop bin Bakar menyeru umat Islam supaya mengukuhkan akidah dengan penuh iltizam dan berpegang teguh di atas kepercayaan kita sebagai orang Islam berkekalan hingga ke akhir hayat kita dengan mentaati suruhan Allah Subhanahu Wataala dan meninggalkan larangan-Nya dan seterusnya meningkatkan rasa ketaatan dan kecintaan kita kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Beliau menambah, kita hendaklah sedia berkorban untuk mempertahankan kesucian agama Islam daripada golongan atau pendakwah-pendakwah yang cuba menyusup dan menyelip masuk dengan niat yang tidak baik yang cuba menyusup dan menyelip masuk dengan niat yang tidak baik yang cuba mempengaruhi dan mengakis kepercayaan kita sebagai orang Islam, melalui ajaran-ajaran sesat dengan bantuan dan sogokan-sogokan material yang berharga.

Dalam era globalisasi ini katanya, pelbagai media dapat digunakan dengan cara yang paling mudah dan cepat oleh penghasut-penghasut agama untuk menyalurkan dakwah songsang mereka.

"Perlu diingat bahawa akidah kita adalah sesuatu yang amat penting untuk dipertahankan dan dijaga iaitu sebagai pegangan hidup kita sebagai umat Islam. Akidah yang kuat dan mantap akan tetap menjadikan kita umat yang perkara," tegasnya ketika memberikan ucapan alu-aluan di Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Daerah Temburong yang berlangsung di Padang Dewan Kemasyarakatan Temburong di sini.

Beliau menegaskan bahawa akidah merupakan bekal hidup yang paling utama bagi seluruh manusia dan kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat nanti sangat bergandeng rapat kepada kesucian dan kemurnian akidah seseorang di mana apabila akidah dan keimanan kita murni, suci dan benar selari dengan tuntutan agama Islam, maka kita tidak syak lagi akan mendapat kemenangan di muka bumi dan kejayaan di akhirat kelak.

Beliau menambah, penanaman akidah dan keimanan mestilah dijadikan satu agenda utama oleh semua pihak dalam pembangunan ummah, sama ada para pendidik, ulama, guru, ibu bapa, pemimpin masyarakat, pemimpin belia dan sebagainya.

Jika akidah menyimpang daripada asalnya, maka ia bukan hanya gagal mencapai kemenangan tetapi juga akan menjadi salah satu faktor kekalahan, kemunduran dan kelemahan, katanya.

Negara yang kuat dan besar jelasnya, adalah yang didasari oleh umat yang kuat akidahnya, mantap imannya dengan berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Al-Quran dan As-Sunnah.

**Liputan Aliddin Haji Moktar
Gambar-gambar oleh
Abdullah HAD**



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian dalam Perhimpunan dan Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Daerah Temburong.

Perhimpunan dan perarakan lambang perpaduan umat Islam

TEMBURONG, 25 Mei. - Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang sering diadakan di negara ini memperlihatkan lambang perpaduan umat Islam dalam melahirkan perasaan cinta kepada Baginda Rasulullah selain mempertingkatkan syiar Islam di negara ini.

Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Daerah Temburong bermula dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Moksin bin Mohd. Karim.

Seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Md. Yussop bin Bakar yang juga selaku Pengerusi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Daerah Temburong tahun 1423/2002M antara lain, menekankan persoalan akidah merupakan perkara utama dalam

kehidupan seseorang Muslim dan ianya adalah penentu kepada arah dan matlamat hidup seseorang individu. Tanpa akidah yang benar, seseorang insan itu tidak akan mencapai kejayaan yang sebenar dalam kehidupannya dengan kata lain akidah adalah pegangan agama seseorang yang berkait rapat dengan persoalan agama dan soal-soal ketuhanan.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada hari itu diiringi dikir serta selawat dari para peserta wanita.

Memeriahkan lagi suasana perhimpunan dan perarakan itu dipersembahkan Dikir Marhaban oleh gabungan Persatuan Ikatan Belia Mukim Bokok, Badan Guru-guru Agama Daerah Temburong dan Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Temburong yang diketuai oleh Awang Haji Ajis bin Haji Anaf.

Sebelum perarakan berjalan kaki bermula, bacaan doa selamat dan tiga kali selawat bagi memberkati perhimpunan dan perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah dibacakan dan dilaukan oleh Haji Azry bin Haji Mohd. Yusoff, Imam Masjid Utama Mohd. Salleh, Pekan

Bangar dan selepas itu perarakan pun bermula dengan didahului oleh pasukan tetamu kehormat, ahli jawatankuasa dan jemputan khas.

Sementara para peserta dari pasukan wanita pula tidak mengikut perarakan mereka tetap di kawasan Padang Dewan Kemasyarakatan Temburong dengan aktiviti-aktiviti berdir dan berselawat.

Perarakan berjalan kaki sejauh dua kilometer yang mengelilingi Pekan Bangar dan berpatah balik semula ke Padang Dewan Kemasyarakatan Temburong.

Perhimpunan dan perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini yang bertemakan 'Akidah Kukuh Bangsa Perkasa' itu disertai oleh 39 buah pasukan termasuklah pasukan wanita yang berjumlah kesemuanya seramai 2,537 orang yang terdiri para pegawai beruniform, jabatan-jabatan kerajaan, para penuntut dan murid sekolah mene-

ngah dan rendah, sektor swasta serta badan-badan pertubuhan-pertubuhan.

Pada tahun ini format perhimpunan dan perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam masih mengekalkan pertandingan bagi pasukan-pasukan yang mengambil bahagian dalam perarakan tersebut dan hanya yang dikecuali tidak boleh menyertai pertandingan itu ialah Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Bomba.

Perhimpunan dan perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berakhir dengan majlis penyampaian hadiah kepada pasukan-pasukan yang berjaya dalam perarakan itu yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Pertandingan dibahagikan kepada empat kategori 'A' terbuka kepada pejabat-pejabat kerajaan, seko-

lah menengah dan sekolah Arab yang dimenangi oleh Pasukan Sekolah Perseidain Arab Bangar, Temburong dan bagi kategori perempuan pula juga dimenangi oleh Sekolah Perseidain Arab Bangar, Temburong. Dalam kategori 'B' terbuka kepada mukim-mukim dan kampung-kampung telah dimenangi oleh pasukan dari Kampung Bokok dan perempuan pula dimenangi oleh Majlis Perundingan Kampung Puni dan Hujung Jalan, kategori 'C' terbuka kepada persatuan-persatuan pertubuhan awam, syarikat swasta dimenangi oleh Pasukan Persatuan Bekas Perajurit Cawangan Daerah Temburong dan kategori 'D' perempuan terbuka kepada sekolah-sekolah rendah/agama/Cina dimenangi oleh Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar dan dalam kategori 'D' terbuka kepada sekolah-sekolah rendah, agama dan Cina pula dimenangi oleh pasukan Sekolah Ugama Bokok, Temburong.



PERSEMBAHAN Dikir Marhaban dari gabungan Persatuan Ikatan Belia Mukim Bokok, Badan Guru-guru Agama dan Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Temburong menyirikan lagi Majlis Perhimpunan Maulud.



PERARAKAN berjalan kaki mengelilingi Pekan Bangar sambil melaukan selawat ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perhimpunan dan Perarakan Maulud di Daerah Tutong



Liputan
Abu Bakar HAR
Gambar-gambar
oleh Halim HS

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Deris bin Haji Belaman diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian di Perhimpunan dan Perarakan Maulud di Daerah Tutong (kanan). Sementara gambar atas, tetamu kehormat bersama Pegawai Daerah Tutong, Abang Haji Hepnie dan lain-lain tetamu bersama-sama membaca Dikir Marhaban bagi menyerikan suasana sambutan.



TUTONG. - Lebih 7,000 umat Islam Daerah Tutong yang terdiri dari peserta lelaki telah menghadirkan diri di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim bagi Perhimpunan Agung Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sambutan yang diadakan setiap tahun adalah bagi memperingati keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diputerakan pada 12 Rabiulawal di dalam kalender Islam.

Hadir mengepalai Perarakan Sambutan Maulud peringkat Daerah Tutong ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Deris bin Haji Belaman yang juga selaku tetamu kehormat.

Perarakan bagi mengenang sebahagian dari

Akidah dan iman yang kukuh benteng pengaruh yang tidak sihat

Bandar Tutong telah disertai oleh 39 buah pasukan yang terdiri dari jabatan-jabatan kerajaan, institusi pendidikan mahupun ahli-ahli jemaah masjid sambil melaukan selawat ke atas Baginda dan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di sepanjang perjalanan itu.

Menyentuh mengenai tema sambutan tahun ini iaitu Akidah Kukuh Bangsa Perkasa yang diperjelaskan oleh Pegawai Daerah Tutong, Abang Haji Hepnie yang juga selaku Pengerusi sambutan sejurus sebelum perarakan bermula berpendapat ianya perlu dihayati sepenuhnya

oleh semua lapisan masyarakat Islam.

Ini menurutnya, telah terbukti dalam sejarah perjuangan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menegakkan agama Islam dan sebuah negara Islam.

Tambahnya lagi, kekukuhan, kekentalan dan kekuatan akidah dan imanlah yang menjadikan kekuatan dan keberkasaan perjuangan-pejuang Islam yang terdiri daripada sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda hingga Islam dapat kita anuti dan hayati hingga masa ini.

Oleh itu, tegasnya, akidah dan iman yang kukuh



DIKIR Marhaban dipersembahkan oleh guru-guru agama di Daerah Tutong.

adalah benteng segala-galanya daripada pengaruh dan kelakuan yang tidak sihat yang jelas membawa kepada kehancuran diri, masyarakat dan negara.

Sambutan pagi itu juga telah diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban yang disampaikan oleh guru-guru agama daerah tersebut.

Sebelum perarakan bermula laungan selawat sebanyak tiga kali telah dilaungkan oleh penerima Bakti Hijrah 1423, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Othman.

Sementara buat julung kalinya bagi daerah tersebut, sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah diadakan serentak secara berasingan dengan per-

kumpulan wanita berlangsung di Dewan Ma'had Islam Brunei.

Sambutan ini wajar dilakukan secara berasingan memandangkan perkembangan penyertaan lelaki pada tahun ini semakin meningkat.

Hadir selaku tetamu kehormat di sambutan itu ialah isteri Pegawai Daerah Tutong, Dayang Hajah Jum'iyah.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh Dayang Norezah.

Memeriahkan majlis hari itu ialah persembahan dikir disampaikan oleh Persatuan PESAKA dan guru-guru agama daerah tersebut serta Rawi oleh Kompeni Askar Wanita.



PELBAGAI lapisan umat Islam sama-sama berhimpun di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim bagi sama-sama memeriahkan Perhimpunan dan Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



MEMPERINGATI keputeraan junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam amat penting ditanamkan di kalangan kanak-kanak.

Perhimpunan dan Perarakan Maulud di Daerah Belait

KUALA BELAIT, 25 Mei. - Bergema laungan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam memuji dan mensyukuri Baginda sempena Perhimpunan dan Perarakan memperingati hari keputeraan Baginda, di sini.

Lebih tujuh ribu orang peserta lelaki yang mewakili pasukan-pasukan beruniform jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah, persatuan dan syarikat swasta termasuk pasukan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad menyertai perarakan mengelilingi Pekan Belait.

Tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin PDPD Dato Paduka Haji Abdul Rahim mengepalai perarakan sejauh lebih dua kilometer.

Sebelum itu, majlis yang berlangsung di Padang Bandaran dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Fahrurazi Haji Metali, johan Peraduan Membaca Al-Quran Belia Peringkat Daerah Belait tahun ini.

Dikir Marhaban oleh Kumpulan Dikir Belia-belia Masjid Daerah Belait diketuai oleh Awang Surya Karim menyerikan lagi sambutan.

Tetamu kehormat juga diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan dan menyampaikan sijil-sijil kepada 43 pasukan yang menyertai perhimpunan dan perarakan.

Ketika menyampaikan kata-kata aluan, Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah menarakan semua umat Islam di situ agar sama-sama bertanggungjawab menjaga dan memelihara akidah supaya tidak terpesong dan tidak mudah terpengaruh dengan dakwah dan ajaran sesat oleh penyebar yang tidak bertanggungjawab.

Katanya, kemajuan dan hasrat negara bagi mewujudkan bangsa perkasa, mempunyai pegangan dan akidah yang kukuh bagi melaksanakan aspirasi dan wawasan negara akan tercapai melalui langkah dan inisiatif mempelajari segala ilmu agama berlandaskan ajaran Al-Quran dan Sunnah Rasulullah.

Sebagai tanda kesyukuran dengan rahmat Allah, beliau menyarankan agar umat Islam perlu menghormati dan mengagungkan

Liputan Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh Masri Osman



Baginda dengan keyakinan kukuh dengan berselawat dan salam ke atas junjungan besar demi mendapatkan pahala dari sisi-Nya apatah lagi pada sambutan Maulidur Rasul.

Sementara itu, buat julung kalinya golongan wanita mengadakan Majlis Perhimpunan secara berasingan.

Perhimpunan yang diadakan di Dewan Bandaran itu telah diselitkan dengan persembahan ke-

agamaan dan Pertandingan Nasyid Peringkat Akhir menjadi acara kemuncak majlis yang dijuarai oleh pasukan Kumpulan Kebajikan Perempuan Kuala Belait (PKP).

Isteri Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Datin Hajah Zuriana Yusuf menjadi tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada pasukan-pasukan nasyid yang memenangi pertandingan.

Peliharalah akidah supaya tidak terpesong



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin PDPD Dato Paduka Haji Abdul Rahim diperkenalkan kepada ketua pasukan yang mengambil bahagian (kiri). Sementara gambar atas, Dato Paduka Haji Abdul Majid dan Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah mengepalai perarakan Maulud sejauh dua kilometer di Daerah Belait.



PASUKAN Polis Diraja Brunei dan umat Islam dari pelbagai lapisan masyarakat sama-sama memeriahkan suasana perarakan Maulud sambil melaungkan selawat ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (atas dan kiri).



PASUKAN Angkatan Bersenjata Diraja Brunei tidak ketinggalan menyertai Perhimpunan dan Perarakan Maulud dengan membawa sepanduk memuji kebesaran junjungan besar kita.



PERSEMBAHAN Dikir Marhaban dari belia-belia masjid Daerah Belait yang diketuai oleh Awang Surya Karim menyerikan Perhimpunan dan Perarakan Maulud.

Kad panggilan prabayar 'Payless VOLP' diperkenalkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Mei. - Orang ramai kini boleh menggunakan alternatif lain bagi membuat panggilan tempatan dan luar negara dengan menggunakan perkhidmatan kad panggilan prabayar 'Payless VOLP'.

Kad tersebut menggunakan sistem suara melalui internet protokol (VOLP) yang baru diperkenalkan oleh Jabatan Telekom Brunei kepada para pengguna dengan harga \$5.00, \$10.00 dan \$20.00 setiap satu.

Selain itu perkhidmatan pelanggan 24 jam juga disediakan bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat lanjut mengenai kadar panggilan perkhidmatan itu melalui talian 1800 3388 atau melayari laman web

Oleh Samle HJ

www.netkad.com.bn.

Perkhidmatan tersebut sebagai salah satu lagi usaha Jabatan Telekom Brunei memperkembangkan perkhidmatan nilai tambah yang menyeluruh bagi kepentingan pengguna di negara ini.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah telah melancarkan perkhidmatan terbaru itu di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kad berkenaan menyediakan kemudahan kepada pelanggannya membuat panggilan tempatan dan lebih 250 destinasi seluruh



dunia pada kadar promosi yang sangat kompetitif.

Pengguna hanya perlu mendail talian bebas tol 1800 6666 dan memasukkan nombor kad serta kod sulit yang terdapat pada kad tersebut mengikut arahan suara yang telah disediakan.

Pengarah Telekom, Awang Buntar berkata, sistem VOLP itu dapat menurunkan kos perbelanjaan penyediaan melalui penggunaan teknologi yang berasaskan internet yang mampu memberikan

fleksibiliti dan lebih kos efektif.

Katanya, perkhidmatan kad prabayar itu hasil usaha sama antara Jabatan Telekom Brunei dan sebuah syarikat tempatan, KPF Conserve Sendirian Berhad.

"Sebagai alternatif pada perkhidmatan yang sedia ada, Payless VOLP mempunyai kualiti suara setanding dengan kualiti suara panggilan yang dibuat menerusi talian telefon biasa," jelasnya.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah ketika melancarkan perkhidmatan terbaru di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Abdullah HAD.

MOU perikanan berasaskan 'situasi menang-menang'

BERAKAS, 21 Mei. - Jabatan Perikanan sekali lagi mencatatkan tahap kemajuannya dengan penandatanganan satu Memorandum Persefahaman (MOU) usaha sama yang melibatkan Syarikat Tempatan dan Pelabur Asing.

Oleh Ak. Jeffery PD

Penandatanganan Memorandum Persefahaman ini berdasarkan kaedah Perkongsian Pintar (Smart Partnership) yang bertujukan 'situasi menang-menang' (win-win situation).

MOU tersebut ditandatangani antara Brusar-Net (B) Sdn. Bhd. dari Negara Brunei Darussalam dengan Technofish dan Intelligent Business Strategies dari Sepanyol.

Brusar-Net (B) Sdn. Bhd. yang ditubuhkan bagi maksud ini adalah usaha sama antara Syarikat Dua-O-Dua Sdn. Bhd. (Negara Brunei Darussalam) dengan Intelligent Business Strategies Sdn. Bhd. (Malaysia) di mana Syarikat Brusar-Net (B) menguasai kira-kira 70% ekuiti dalam pelaburan usaha sama itu.

Menandatangani bagi pihak Brusar-Net (B) Sdn Bhd ialah Pengiran Haji Yura Kesteria bin Pengiran Setia Negara Pg. Dr. Hj Mohd. Yusuf dengan disaksikan oleh Haji Mohd. Kepli bin Ahmad, manakala Intelligent Business Strategies Espana SL diwakili oleh Leo Fauzi Ahmad @ Mohd. Puzi, sementara Joaquin Dominguez Gago bagi pihak Technofish SL Spain.

Penandatanganan MOU tersebut disempurnakan di hadapan Pengarah Perikanan, Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof di Orchid Garden Hotel di sini.

Skop awal usaha sama ini ialah bagi menjana operasi pewujudan kilang

pengetinan dan pemprosesan ikan tuna di tapak Perindustrian Perikanan Serasa yang melibatkan semua kegiatan perundangan, perkhidmatan, perakaunan, pemasangan dan pembekalan untuk tujuan pembangunan projek secara 'turnkey' kepada syarikat usahawan yang ditubuhkan.

Pihak pelabur Sepanyol menawarkan komitmen secara pakej pelaburan berupa pemindahan teknologi dan kepakaran pengurusan, jaminan beli balik pelaburan, pemasaran produk di Eropah dan global serta pembiayaan projek.

Nilai pelaburan projek ini dianggarkan kira-kira AS\$15,750,000 dengan jangka tempoh pulangan bayaran balik 10 - 15 tahun di mana hasil pengeluaran ikan tuna yang diproses dijangka menghasilkan 50 sehari.

Penerokaan ikan paras laut (Pelagik) adalah merupakan industri yang digalakkan dan dipromosikan oleh Jabatan Perikanan untuk diraih oleh pengusaha-pengusaha tempatan mahupun secara usaha sama yang setentunya akan dapat menyumbang kepada faedah-faedah sampingan seperti pemindahan teknologi kepada pengusaha tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan dan untuk menembusi pasaran eksport.

Kejayaan usahawan ini nanti diharapkan akan dapat mempertingkatkan lagi sumbangan sektor perikanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) terutama dalam proses membekalkan sumber ekonomi negara (Economic Diversification).

50 pengusaha kecil lawat syarikat tempatan

Oleh Bolhassan HAB

LAMBAK. - Serombongan 50 orang pengusaha kecil yang mengikuti Seminar Apresiasi Standardisasi dan Amalan Pengurusan Kualiti di Pusat Sumber dan Piawai telah mengadakan lawatan kerja ke dua buah syarikat tempatan di negara ini (gambar bawah).

Rombongan para pengusaha kecil itu mula-mula mengadakan lawatan kerja ke Syarikat PDS Abattoir Sendirian Berhad. Lawatan kemudiannya diteruskan ke Syarikat Cerah Sendirian Berhad yang terletak di kawasan perindustrian Kampong Lambak Kanan.

Lawatan kerja pengusaha-pengusaha kecil itu antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan pengeluaran, pengurusan dan pentadbiran kilang termasuk strategi pengeluaran makanan yang melibatkan pengawalan mutu produk (makanan) dan piawai.

Melalui lawatan itu pengusaha-pengusaha berkenaan diharap dapat meningkatkan sistem dan pengeluaran produk masing-masing mengikut Good Management Practices (GMP) bagi membudayakan pengeluaran yang bermutu, berpiawai dan selamat secara berterusan.



MEMORANDUM Persefahaman antara Brusar-Net (B) Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Pengiran Haji Yura Kesteria, sementara Intelligent Business Strategies Espana SL diwakili oleh Leo Fauzi Ahmad dan Technofish SL Spain diwakili oleh Joaquin Dominguez Gago. Menyaksikan Majlis MOU itu ialah Pengarah Perikanan, Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin. - Gambar oleh Halim HS.

Jadikan pembelajaran berterusan sebagai falsafah hidup

Oleh Ak. Jeffery PD

BERAKAS, 18 Mei. - Untuk mencapai kejayaan, kita perlu terus belajar dan menjadikan pembelajaran itu berpanjangan sebagai salah satu falsafah hidup, manakala satu lagi kejayaan dalam pencapaian ialah mempelajari secara efektif keupayaan memahami gaya belajar sendiri dan menggunakannya sebagai cara mencari ilmu pengetahuan.

Saranan tersebut dibuat oleh Penolong Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Pengiran Doktor Hajah Rahmah di pembukaan rasmi seminar pengurusan dan strategi-strategi bagi perusahaan yang berjaya berlangsung di Kementerian Perindus-

trian dan Sumber-Sumber Utama.

Beliau seterusnya menambah, antara faktor lain yang perlu diketengahkan ialah untuk mendapatkan kemahiran dan menjadikannya sebagai amalan dalam mencapai matlamat dan melihat kegagalan itu sebagai sesuatu yang baik dan positif.

Penceramah khas dari Kuala Lumpur, Dato Dr Nellie SL Tan Wong, Co-Founder cum Deputy Chairperson Women's Institute of Management Malaysia, antara lain berkata, dengan mempunyai

wawasan ia dapat membantu mendorong keyakinan sendiri selain mempunyai strategi-strategi yang kreatif dan kemahuan yang kuat.

Seminar ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada peserta dalam persatuan-persatuan wanita, gabungan perniagaan dan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana agar dapat mempelajari sumber ilmu yang ada dalam bidang perniagaan.

Seminar tersebut dianjurkan oleh Majlis Perniagaan Wanita dengan sokongan Pusat Sumber dan Piawai, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



H

ARUSKAH kau pergi?

Sedang diri ini masih di sini
mengharapkan dirimu
kembalilah...
kumerindui dirimu
kembalilah...
jangan pergi lagi!

Malam perlahan-lahan melabuhkan dirinya, menyerupai langit yang mulanya kemerahan. dengan kepulan awan-awan hitam arang. Kemalaman malam pantas sirna dek kerlipan bintang-bintang bercahaya dan panahan bulan keemasan. Cengkerik-cengkerik mula bersahut-sahutan, memecah kesepian.

Malam yang cukup indah. Memukau. Namun tenang?

Kenapa hati dan jiwa ini tidak tenang? Kenapa jiwa ini tidak tenang? Kenapa diri ini tidak tenang? Kenapa? Desis secebis hati. Hati yang bergelora, tidak tenang. Tidak tenteram.

Kenapa kau harus pergi?

Secebis hati milik gadis itu akhirnya pasrah. Akur dengan kehendak takdir. Ketentuan

Tuhan tidak mampu diubah ganti. Hanya wajib diterima dengan kesyukuran, segalanya pasti ada tersirat sesuatu. Sesuatu yang berharga dari-Nya jua.

"Shyafik..." berkerisik nama itu di sanubari Rina.

Lelaki itu mesti dilupakan, dibuang jauh dari lubuk hati. Hati yang telah lama hancur berkecai dek permergiannya. Mesti dilupakan! Lupakan! Ya lupakanlah! Desis secebis hati itu buat kali terakhirnya.

"Tidak mungkin aku mampu melupakannya!" Luah seorang jejaka, luahan yang sering muncul dari bibirnya, entah untuk yang ke berapa kalinya. Dia meluahkan isi hatinya lagi, "Tidak mungkin."

"Sudahlah tu Hafiz. Bukankah perkara itu sudah lama berlalu. Lagipun kau sudah puas berusaha, melakukan apa yang terdaya olehmu. Lupakanlah permergian itu. Mungkin suatu hari nanti mereka akan muncul jua. Biarlah Tuhan yang menentukan semuanya," pujuk seorang wanita tua, yang juga tercari-cari mereka yang telah pergi.

"Mak, Hafiz sudah tidak tahu apa yang harus dilakukan lagi? Perlukah Hafiz melupakan mereka. Sedangkan kami sepatutnya hidup gembira bersama, bukannya berpisah. Tapi kenapa kami dipisahkan? Kenapa?" Kata Hafiz dalam nada yang sayu.

"Memang benar Hafiz. Kamu semua sepatutnya hidup bersama. Mak ini cuma..." terhenti kata-kata Normah, matanya mula bergenang.

Hafiz merenung tepat pada Normah. Dia mula kesal.

"Maafkan Hafiz mak," Hafiz memeluk Normah, "Hafiz tak bermaksud untuk menyinggung perasaan mak. Hafiz cuma inginkan mereka kembali semula."

"Mak tak marah Hafiz. Seperti Hafiz, mak juga mahu mereka kembali semula. Mak sayang Hafiz. Hafizlah satu-satunya yang mak ada. Jika Hafiz tiada, mak pasti kesunyian," terang Normah.

Pintu bilik diketuk tiga kali. Kemudian terhenti. "Masuk!"

"Cik Rina, saya ingin mengingatkan Cik Rina bahawa pukul dua ini Cik Rina ada appointment dengan client."

Rina mengalihkan pandangan ke ambang pintu. Setiausahaanya, Hani sedang berdiri sambil memegang organizer berwarna hitam. Hani melihat kembali organizer itu, memastikan semula jadual yang ditulisnya.

"Jam dua petang. Di Bank TAIB. Appointment dengan Encik Mohd. Hafizul," jelas Hani kembali, kali ini lebih lengkap.

Rina diam, tidak mengungkapkan sebarang kata-kata, hanya memandang mata Hani. Mata mereka bertemu. Rina senyum sambil mengangguk. Hani kemudian beredar.

Encik Mohd. Hafizul...

Rina mula mengingati akauntan itu.

Hafiz menggelabah. Peluh bercucuran di dahinya akibat letih berlari. Dia terlewat lima belas minit. Keretanya tiba-tiba membuat hal. Setelah menarik nafas panjang, Hafiz melangkah masuk ke bilik mesyuarat. Seorang perempuan muda serius memandangnya. Hafiz mulai resah.

"Maafkan saya, Cik Sarina. Terlambat sedikit."

"It's ok. Lagipun saya baru saja sampai," jelas Rina.

Hafiz berasa selesa.

"Encik Mohd. Hafizul, mari kita sambung perbincangan kita tempoh hari!" Ujar Rina, menyedarkan Hafiz dari renungan tajannya.

Restoran eksklusif di tepi pantai itu tidak begitu ramai pengunjung.

Hafiz dalam diam memandang Rina. Penampilan Rina malam itu cukup anggun. Hafiz tidak menyangka gadis sejelita itu mahu keluar makan bersamanya.

"Baiklah! Tapi mulai sekarang, panggil saja saya Rina."

"Saya Hafiz."

Di sebelah setiap alasan Hafiz itu, tersimpan tujuan yang lain.

"Rina, ada sesuatu yang ingin kusampaikan padamu," kata Hafiz.

PERGI



CERPEN

OLEH HUSSEIN TAHA

"Kalau kau terima cintaku, katakanlah. Kalau kau tak sudi, katakan tidak; dan aku akan pergi dari sini," ujar Hafiz.

Rina tidak langsung menjawab.

Air matanya jatuh di atas sekeping foto lama. Normah memerhati foto itu. Dua orang gadis muda berdiri sambil tersenyum mesra. Wajah mereka hampir seiras.

Normah ingat kenangan itu. Foto itu diambil sewaktu dia dan adiknya masih muda.

"Cik Normah dan Cik Rozaimah sila berdiri dekat sini ya. Berdiri rapat," ujar jurugambar itu.

Mereka mengikut arahan lelaki itu.

Rozaimah merenung wajah jurugambar itu. Kacak. Hati Rozaimah tertarik.

"Terima kasih encik..." Rozaimah menghulur tangan.

"Hamzah," jurugambar itu memperkenalkan diri. Rozaimah tersipu-sipu malu.

Semenjak itu jalinan cinta mereka terjalin. Normah mengetahuinya.

Rina masih menggenggam cincin berlian itu. Bingung. Dia tidak tahu apa yang harus dilakukan dan diucap lagi. Hafiz masih jua tidak mahu mengerti dan tidak mahu mengalah. Kenapa dia tidak mahu melupakanku? Bukankah lebih ramai gadis cantik lain yang boleh dijadikan teman hidupnya? Kenapa Hafiz memilih diriku?

"Aku perlukan masa untuk berfikir, Hafiz. Please... Aku tidak tahu apa yang harus kulakukan? Fikiranku benar-benar kusut. Please... Berikanlah aku masa lagi," ujar Rina.

"Dua bulan tu tak cukup Rina?" Hafiz mencebik, geram.

"Hafiz... Jangan buat Rina begini. Tolonglah fahami situasi Rina ini."

"Ah... Sebenarnya Rina cuma mahu mempermainkan hati Hafiz. Rina bukannya sukakan Hafiz. Rina cuma mahukan lebih masa untuk memperdayakan Hafiz," tuduh Hafiz.

"Sampai hati Hafiz tuduh Rina begitu," rintih Rina.

"Hafiz cuma mengatakan hakikat yang sebenar saja," pintas Hafiz, percakapannya masih lagi tidak keruan.

Tempelak Hafiz yang agak keras itu menyentak telinga Rina. Rina menangis.

Hafiz tersentak. Dia mula sedar perbuatannya. Dia benar-benar menyesal.

Hafiz menyentuh bahu Rina. "Rina... Maafkan Hafiz."

Rina segera membela-kangkan Hafiz.

"Apakah yang harus kulakukan? Terima atau tidak?"

Ya, aku cinta Hafiz! Tapi...

Ah cinta mencelarkan!

Mana mungkin dia bercinta kembali setelah hatinya telah diberikan kepada seorang lelaki yang telah lama pegi meninggalkannya.

"Alangkah indahnya jika aku adalah Romeo," Shyafik mula memasang mimpi sambil tersenyum.

"Bukankah ramai gadis-gadis cantik yang meminatimu di universiti ini. Setentunya kau adalah Romeo untuk mereka," celah Rina, senyum juga.

Di Universiti Malaysia itu, Shyafik begitu popular kerana kekacakannya. Rina adalah di antara puluhan secret admirer Shyafik. Dia mengagumi budi bahasa dan ketampanannya.

"Maksud aku... aku adalah Romeo dan kau..."

kau adalah Julietku."

Rina tergamam. Dia tidak menyangka Shyafik mencurahkan perasaan. Semua seperti mimpi indah.

Shyafik, kenapa kau pergi?

"Hafiz, kenapa dengan Hafiz ni?" tanya Normah, bimbang dengan Hafiz yang dari tadi melamun jauh. Corak wajahnya menggambarkan kesedihan.

Hafiz tersentak dari lamunannya. Cincin berlian yang dari tadi terkepit di jarinya itu jatuh ke lantai.

Menyedari cincin berlian itu tidak diambil berat, Normah mengambil dan menyerahkan kepada Hafiz.

"Hafiz ada masalah? Mesti pasal perempuan."

Normah merenung Hafiz. Anak ini sudah dewasa untuk berumah tangga.

"Tak adalah!" Jawab Hafiz.

"Jangan nak tipu mak. Hafiz ingat mak tak tahu tentang gambar perempuan itu." Normah tersengih.

Hafiz senyum...

"Cepat beritahu mak masalahnya," desak Normah.

"Mak, Hafiz ni tak baguskah? Tak ada kualiti-kah?" Keluh Hafiz.

"Hafiz... Hafiz..." Normah menggeleng-geleng. "Hafiz memang bagus. Berkualiti. Cuma... Hafiz ni mudah mengaku kalah. Itulah, tak tahu tentang rahsia wanita. Kalau Hafiz nak tahu, wanita paling senang dipujuk rayu walau sekeras mana pun hati mereka, asal Hafiz tahu bagaimana caranya."

"Bagaimana caranya?" tanya Hafiz, penuh minat.

"BUKANKAH ramai gadis-gadis cantik yang meminatimu di universiti ini. Setentunya kau adalah Romeo untuk mereka," celah Rina, senyum juga.

Lihat muka 13

PUISI

KEREDAAAN ALLAH

Seorang ahli sufi wanita Rabi'atul Adawiah telah berkata, "Tujuan hidupku ialah mencari keredaan Allah di mana saja ditempatkan tetap kuterima dengan senang hati kerana keredaan Allah itulah saja sebagai matlamat hidupku."

Wahai insan yang beriman untuk mendapatkan keredaan Allah lakukannya sesuatu itu dengan rela hati dengan jujur dan penuh tulus ikhlas pendek kata apa jua perkara yang bermanfaat lagi berkebaikan yang dilakukan itu semestinya diniatkan kerana Allah jua.

Dalam Doa Iftitah ada menerangkan di antaranya bermaksud: Sesungguhnya segala sembahyangku amal ibadatku hidupku dan matiku kuserahkan hanya kepada Allah seru sekalian alam.

Wahai insan yang beriman mudah-mudahan ... kita sentiasa dalam kebahagiaan.

HATINYA TIDAK BUTA

Aku terharu malah bangga dengan sikapnya tidak mudah berputus asa begitu punya bakat dalam menghadapi cabaran kehidupan!

Malam atau siang baginya serupa saja namun ia dapat merasakan pagi ini begitu ceria di sana sini insan-insan masing-masing dengan tujuan dan tidak terkecuali dirinya dengan keakraban ... mencari rezeki Tuhan.

Di pinggir jalan terkejut ia dan terkilan - kenapa? - ada apa? sememangnya sesuatu telah berlaku kecelakaan di jalan raya mengorbankan beberapa nyawa.

Di sini aku terpesona - beginilah akibadinya kalau memandu sesuka hati begitu bicarannya ia tahu apa yang telah berlaku dan aku juga tahu terhadap dirinya walau ia buta ... hatinya tidak buta.

Rahim M.S.

BERSAJAK

Aku bersajak di dada laut dengan pen dan kertas ku tuliskan namamu melepaskan kerinduan.

Aku bersajak di pondok kecil dengan mata yang merah kukhabarkan kisah manusia di tengah-tengah laut.

Terkapai-kapai mencari-cari suatu tempat berteduh.

Ain Ab

SIKAP

Menjejar itu nampaknya cela tidak kenali hakikat diri dihaus kemodenan bukan pemain tradisi sopan itu harus ada pada waktumu perlu kenali identiti sendiri.

Peribadi yang murni bukan memamar keburukan insan jelas menilai antara ketulenan dan kepalsuan jelas bagi dirimu untuk mengenal nilai-nilai murni.

Sikap semangat mandiri membina jati diri pertimbangkan yang wajar di kaca mata insan cuba imbasan kembali mengapa kau tersisih.

Ami AS

BRUNEI JATIKU

Aku bertuah! aku beruntung! kerana dilahirkan di bumi darussalam harmoni aku kenal ketenangan simfoniku.

Namun aku tidakkan duduk bersimpul kaki! tulang empat kerat ingin berbakti! kerna aku berhutang budi jasamu takkan hilang di hati.

Lautan maklumat akan kurenangi gunung kegemilangan akan kudaki untuk kusemburkan keharuman negaraku!

LEBUH RAYA

Lebuh raya itu luas, ke sana, ke mari semua dihalakan namun sayang ia langsung tidak berhalangan.

Baik buruk suci keji semuanya dihalalkan wahai sahabat jangan terlalu ghairah jaga jati dirimu jika tergedai tiada berguna.

TANGGUNGAN

Benci! benci! benci! Apa kau lakukan?! Kau alpa! dia pewartu ... jangan abaikan! dia suluhmu hari esok ... jangan sia-siakan! didik, ajar, latih.

Ingat! didik, ajar, latih ingat ... didik, ajar, latih ...

Nahmy

Dari muka 12

"Kakak! Kakak! Abang Hamzah kak! Abang Hamzah ..."

Jeritan Rozaimah itu tidak mungkin dapat dilupakan oleh Normah.

Matanya berkaca-kaca. Normah membelai rambut adiknya.

"Bersabar dik. Terangkan pada kakak, apa yang terjadi?" Tanya Normah.

"Abang Hamzah kak! Abang Hamzah..." raung Rozaimah. Tangisannya menjadi-jadi.

Hati Rozaimah kian bimbang.

"Kenapa dengan Hamzah? Apa yang telah berlaku?"

"Abang Hamzah kemalangan!"

Nafas Rozaimah sesak. Sendi lututnya kian lemah. Pandangannya kabur.

"Ya Allah!"

Peristiwa itu telah lama berlaku. Peristiwa yang mengubah segalanya. Normah tetap mengingatinya.

"Jangan pergi bang! Jangan pergi ..." Jeritan Rozaimah hanya sia-sia. Hamzah masih membisu. Tubuhnya terbaring kaku.

"Jangan tinggalkan Rozaimah, bang."

"Abang! Abang! Abang ..."

Hamzah telah pergi kepada-Nya meninggalkan Rozaimah dan anak yang kecil.

"Setelah setahun bekerja di negara Brunei ni, apakah perasaan Cik Sarina? Sukakah? Adakah lebih seronok berbanding sewaktu Cik Sarina masih lagi bekerja di Malaysia?" Tanya Hani, Setiausaha Rina.

"Tentulah suka!"

Hani mengangguk. Baginya, Rina adalah wanita contoh. Dalam usia masih muda, Rina sudah menjawab jawatan tinggi.

"Cik Sarina, boleh saya bertanya sedikit? Kenapa Cik Sarina sanggup diantar bertugas ke sini. Tidak di negara sendiri?" Tanya Hani.

"Saya yang minta hantar ke sini," jelas Rina.

"Tapi kenapa?" Tanya Hani tercengang-cengang.

"Kerana... terlalu banyak kenangan manis di sana." Alun suara Rina kian perlahan.

"Rina, Shyafik terpaksa pulang ke Singapura petang ni juga. Ayah Shyafik jatuh sakit. Ibu kata ayah terpaksa ditahan di hospital," terang Shyafik pada Rina. Bunyinya begitu cemas.

"Shyafik pergilah... Rina doakan semoga ayah Shyafik cepat sembuh. Tak

usah risau tentang Rina. Cuma bila sampai di sana, Shyafik jangan lupa telefon Rina."

"Don't worry, Shyafik janji."

"Shyafik, berhati-hati memandu."

Hatinya hari itu terasa berat melepaskan Shyafik. Entah kenapa? Rina tidak menyangka, hari itu mengubah perjalanan hidupnya. Shyafik tidak menelefonnya seperti apa yang dijanjikan.

Shyafik telah pergi...

Mungkin Shyafik tidak lagi menyintainya!

"Cik Sarina... Cik Sarina..." Hani menyedarkan Rina dari lamunan panjangnya itu.

"Ada apa Hani?"

Rina segera menoleh ke belakang. Seorang pemuda menghampirinya. Rina mengenalinya. Pemuda itu membawa sebakam bunga ros merah.

"Hafiz! Hafiz buat apa di sini?"

Hafiz berdiri terkejut. Hani terduduk diam.

Hafiz tiba-tiba melutut di depan Rina. Rina terkejut dan malu.

"Eh Hafiz, apa yang Hafiz buat ni? Malulah, ramai orang tengok kita ni!"

"Rina, I cintakan you. Tolonglah jangan tolak cinta Hafiz lagi."

Rina bingung. Fikirannya bercelaru.

"Hafiz! Bangun Hafiz! Jangan melutut lagi!"

"Hafiz tak akan bangun selagi Rina tidak menerima cinta Hafiz!"

Rina sedar Hafiz begitu menyintainya. Hafiz bukan Shyafik. Dia yakin Hafiz tidak akan pergi meninggalkannya

"I love you too, Hafiz."

Hafiz tersenyum gem-bira. Hafiz bangun. Rina bangun. Kedua-duanya tersenyum.

Wajah orang muda itu diamatinya. Renungannya terpaku pada susuk tubuh dan wajah orang muda itu.

"Apa benar anak ini...?" Tanya Normah seperti tidak percaya.

"Ya mak cik Normah. Saya anak kepada Encik Hamzah dan Puan Rozaimah."

Memori pemergian Rozaimah mula berlegar

segar di benaknya.

"Ibu! Ibu! Hafiz nak ikut sama ibu..." pekik Hafiz pada Rozaimah.

"Hafiz... Hafiz tinggalah dulu dengan mak cik Normah! Bila ibu sudah ada kerja dan tempat tinggal yang tetap barulah ibu datang semula ke sini dan bawa Hafiz," pujuk Rozaimah.

"Tak nak... Hafiz nak ikut juga!"

"Rozaimah, bila kau di Singapura tu nanti, kesihatanmu jangan diabaikan. Kau tu mengandung anak yang kedua. Belum sampai pun dua bulan. Tentang Hafiz, janganlah kau risau. Kakak akan jaga dia macam anak kandung kakak sendiri," ujar Normah.

"Kakak janganlah risau. Saya ada kawan yang boleh tolong saya."

Setelah mengucup dahi Hafiz, Rozaimah melangkah berat ke dalam teksis.

"Ibu! Ibu! Jangan pergi ..."

"Nak! Mana ibumu Rozaimah?" tanya Normah, tidak sabar untuk mengetahui keadaan adiknya itu. Bertahun-tahun dia dan Hafiz menanti kepulangan Rozaimah. Tapi penantian itu hanya sia-sia. Rozaimah tetap tidak kembali. Kini setelah lama menanti, cuma anak yang suatu ketika dulu di dalam kandungan Rozaimah saja yang pulang.

"Ibu... ibu... telah meninggal dunia!" Suara pemuda itu lemah.

Normah terus rebah ke lantai.

"Ibu meninggal dunia setelah saya dilahirkan. Ibu bapa angkat saya tidak tahu langsung tempat tinggal mak cik Normah di sini. Mereka tidak dapat memaklumkan pada mak cik."

Normah memeluk anak saudaranya.

"Mana abang kandung saya, mak cik?" pemuda itu bertanya.

Kedengaran sebuah kereta memasuki halaman rumah. Hafiz muncul di pintu bersama Rina.

Pemuda itu memandang Rina. Rina membalas pandangan lelaki itu. Tiba-tiba dadanya tersentak. Jantungnya mula berdegup kencang. Pemuda yang bertubuh sasa itu seperti

pernah dilihatnya. Wajah itu bukanlah asing. Tidak mungkin! Tidak mungkin!

"Rina?" Pemuda itu juga seperti tersentak melihat Rina.

"Shyafik?"

Hafiz hairan. Dia mulai kurang senang dengan apa yang dilihatnya. Dia memandang Rina, kemudian Shyafik dan Normah. Kebingungan terserlah di wajah masing-masing. Tiada siapa pun yang berkata walau sepele.

"Mana Shyafik pergi selama ni? Puas Rina mencari dan menanti Shyafik. Tapi Shyafik ..." Rina akhirnya bersuara, memecah kebuntuan.

"Shyafik minta maaf Rina," pintas Shyafik cepat.

"Kenapa Shyafik tinggalkan Rina?" Dada Rina berombak. Masih dalam debaran. Nafasnya mula tidak teratur.

"Shyafik tidak tinggalkan Rina. Shyafik kemalangan sewaktu dalam perjalanan di Singapura. Disebabkan kemalangan teruk itu, Shyafik telah koma selama enam bulan. Bila Shyafik sedar, Shyafik pergi cari Rina. Tapi kawan-kawan Rina bilang Rina sudah pindah. Puas Shyafik cari Rina tapi tak jumpa-jumpa juga. Akhirnya Shyafik putus asa. Tapi Shyafik langsung tak dapat lupa Rina. Rina masih bertakhta di hati ini."

"Rina! Siapa pemuda ni?" Hafiz mula bersuara, fikirannya dibaluti kekelutan dan cemburu.

"Dia ni adik kandung kau, Hafiz," kata-kata Normah itu sekali lagi menjadikan suasana senyap sepi.

Setelah diceritakan perkara yang sebenarnya tentang ibu dan adik kandungnya itu, Hafiz mulai mengerti. Dengan pantas Hafiz meluru ke arah Shyafik. Mereka berpelukan dengan erat sekali buat pertama kalinya. Ternyata atas kuasa Tuhan, abang dan adik yang telah lama terpisah akhirnya boleh bertemu kembali.

"Abang Hafizull!"

"Adik Shyafik!"

Rina hanya mampu melihat Hafiz dan Shyafik berpelukan gembira. Menyedari situasi dirinya, hatinya tiba-tiba bergelora di amuk persoalan-persoalan jiwa. Kedua-dua adik beradik itu menyintai dirinya. Dia juga menyintai mereka. Mana mungkin dia berada di situ lagi. Kehadirannya hanya pasti akan membawa lebih masalah. Tanpa disedari oleh Hafiz dan Shyafik, Rina melangkah keluar dari rumah itu. Dia sudah membuat keputusan.

"Biirlah aku pergi ..."



سنتیاس برسات بیسکیتا
Santiisa Berasana BISKITA

سوسون رنچاغن تیالییشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

R A B U 5 JUN	PAGI		PETANG	5.55	MOVIES, GAMES AND VIDEOS	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.30	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA CO PRODUCTION: 'Pintu'
